



# **PENYATA RASMI**

**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KETIGA**

*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEDUA**

*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **PEMASYURAN YANG DI PERTUA:**

- Memperkenalkan Rang Undang-undang [Ruangan 825]
- Tan Sri Ong Yoke Lin—Membenarkan Bercuti Panjang [Ruangan 826]
- Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 826]
- Urusan Mesyuarat [Ruangan 828]

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 829]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Zon Perdagangan Bebas (Pindaan) [Ruangan 840]
- Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) [Ruangan 850]
- Rang Undang-undang Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan)  
[Ruangan 853]

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

### **RANG UNDANG-UNDANG—(samb.)**

**Rang Undang-undang Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred  
(Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 856]**

**Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan) [Ruangan 858]**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk  
Akaun) [Ruangan 860]**

**Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) [Ruangan 868]**

**Rang Undang-undang Meminda Lembaga Kemajuan Pertanian Muda  
(Pindaan) [Ruangan 896]**

### **USUL-USUL:**

**Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 868]**

**Ucapan Penangguhan—**

**Perdana Menteri Melawat Negara Republik Rakyat Cina  
[Ruangan 899]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Isnin, 4hb September, 1972

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantek).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantek).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantek).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantek).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantek).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantek).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantek).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantek).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantek).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantek).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantek).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Dilantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantek).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantek).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantek).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantek).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantek).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantek).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATUK S. O. K. UBADULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantek).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantek).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantek).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantek).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantek).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Dilantek).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P.
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E.
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD.
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.

## DO'A

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan mesyuarat*)

PEMASYURAN YANG  
DI PERTUAMEMPERKENANKAN RANG  
UNDANG-UNDANG

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan iaitu Rang Undang-undang yang berikut ini telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong:

- (1) Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972);
- (3) Rang Undang-undang Loteri (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Pemeliharaan Buku-Buku (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Perbandaran (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Perpustakaan Negara;
- (7) Rang Undang-undang Pemegang Pajakgadai;
- (8) Rang Undang-undang Lembaga Pelabohan (Pindaan) (No. 2);
- (9) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2);
- (10) Rang Undang-undang Mahkamah (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan);

- (12) Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan);
- (13) Rang Undang-undang (Pembahagian) Harta Pesaka Kecil (Pindaan dan Perluasan);
- (14) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan);
- (15) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurukor (Pindaan);
- (16) Rang Undang-undang Akitek (Pindaan);
- (17) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
- (18) Rang Undang-undang Perusahaan Nenas (Pindaan); dan
- (19) Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan).

TAN SRI ONG YOKE LIN—  
MEMBENARKAN BERCUTI PANJANG

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Ahli-ahli iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh Dewan ini, saya telah membenarkan Yang Berhormat Tan Sri Ong Yoke Lin, atas permintaannya sendiri, supaya bercuti panjang daripada menghadiri mesyuarat-mesyuarat Dewan Negara mulai daripada 3hb Jun, 1972.

PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat. Sekarang saya jemput Setiausaha membacanya.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

23hb Ogos, 1972.

“Tuan Yang di Pertua,

Majlis Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Perihal Dagangan;
- (2) Rang Undang-undang Peguambela dan Peguamcara (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kemubu (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Rahsia Rasmi;
- (7) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Zon Perdagangan Bebas (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred (Sarawak) (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk (Akaun));
- (14) Rang Undang-undang Piawaian (Pindaan);
- (15) Rang Undang-undang (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy;
- (16) Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia;
- (17) Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan);
- (18) Rang Undang-undang Pehakberkuasa Kemajuan Pekebun kecil Perusahaan Getah;
- (19) Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan);
- (20) Rang Undang-undang Kumpulanwang Perusahaan getah (Penanaman Semula) (Perlanjutan Kuatkuasa);

- (21) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan); dan
- (22) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan).

Tandatangan:

C. M. YUSUF,  
Yang di Pertua,  
Dewan Rakyat.”

### URUSAN MESYUARAT

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon memberitahu iaitu saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang berikut ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya pada mesyuarat Dewan Negara sekarang ini:

- (1) Rang Undang-undang Perihal Dagangan;
- (2) Rang Undang-undang Peguambela dan Peguamcara (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Rahsia Rasmi;
- (7) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Zon Perdagangan Bebas (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred (Sarawak) (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk (Akaun));
- (14) Rang Undang-undang Piawaian (Pindaan);
- (15) Rang Undang-undang (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy;

- (16) Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia;
- (17) Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Peluasan dan Pindaan);
- (18) Rang Undang-undang Pehakberkuasa Kemajuan Pekebunkecil Perusahaan Getah;
- (19) Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan);
- (20) Rang Undang-undang Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pelanjutan Kuatkuasa);
- (21) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan); dan
- (22) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan).

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### SIDANG PERAPAT MALAYSIA/INDONESIA

**1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah natijah dari Sidang Perapat, di Indonesia baru-baru ini, dalam mana dikatakan bahawa suatu dasar kerjasama telah dicetuskan dengan sebutan khas "Dasar Gantung Bergantung" di antara Malaysia dan Indonesia, dan adakah dasar ini merupakan suatu dasar pertahanan bersama.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, saya percaya Sidang Perapat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia/Indonesia yang diadakan di Perapat pada 24hb dan 25hb Julai, 1972. Mesyuarat tersebut telah diadakan mengikut Peraturan Keselamatan yang telah ditandatangani di Kuala Lumpur pada 6hb April, 1972. Tugas Jawatankuasa ini ialah merunding dan merancang bersama tindakan-tindakan yang mustahak diambil bagi menghapuskan ancaman kominis di kawasan sempadan Malaysia/Indonesia dan juga untuk mengawal keselamatan di kawasan itu. Peraturan ini bukanlah merupakan suatu dasar atau perjanjian pertahanan bersama antara Malaysia dengan Indonesia.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah significant atau baiknya perundingan itu diadakan di Perapat, sebab Perapat itu setahu saya, amatlah jauh daripada sempadan. Mengapakah tidak diadakan di tempat on the spot misalnya?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, tempat itu adalah dipilih oleh Kerajaan Indonesia.

### PELABUHAN PORT DICKSON

**2. Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Perhubungan menyatakan bila Pelabuhan Port Dickson akan didirikan serta sebab-sebab yang mengakibatkan kelambatan menjalankan pembenaan itu.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua, Kementerian ini tidak ada rancangan hendak membina Pelabuhan di Port Dickson. Pelabuhan-pelabuhan yang telah ada di Pantai Barat Malaysia Barat adalah mecukupi bagi memenuhi keperluan impot ekspot barang-barang dagangan di Malaysia ini.

Bagaimanapun ada kemungkinan dibina sebuah jeti disitu pada masa hadapan sekiranya perdagangan antara Malaysia-Indonesia bertambah dan lalu-lintas yang cukup.

### JAMBATAN TEMERLOH— PROJEK TERBENGKALAI

**3. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga:

- (a) bilakah yang sebenarnya projek Jambatan Temerloh yang hingga sekarang ini masih terbengkalai itu dimulakan;
- (b) berapa kali bertukar kontrektor yang terlibat;
- (c) jumlah wang yang sudah pun dibelanjakan;
- (d) jumlah wang yang dianggarkan untuk menyudahkan jambatan itu; dan
- (e) berapakah perbezaan belanjanya jika dibandingkan dengan belanja Jambatan Yahya Putra di Negeri Kelantan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, nampaknya Ahli Yang

Berhormat itu bertanyakan soalan-soalan ini tanpa berdasarkan facts.

- (a) Projek ini tidak ada terbengkalai sebaliknya kerja-kerja pembinaan sudah pun dijalankan sejak 17hb Mac, 1972.
- (b) Saya pun merasa hairan dari manakah Ahli Yang Berhormat itu mendapat berita ini, kerana semenjak kerja-kerja pembinaan dijalankan, belum pun pernah berlaku sebarang pertukaran kontraktor.
- (c) Setakat ini sejumlah \$1,243,094.32 telah dibelanjakan.
- (d) Jumlahnya ialah \$11,644,531.02.
- (e) Perbezaannya ialah lebih sebanyak \$6,386,531.02 dari perbelanjaan membina jambatan Yahya Putra di Kelantan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih berkenaan dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi saya hendak bertanya satu lagi, iaitu kalaulah urusan membina jambatan di Temerloh itu tidak terbengkalai, mengapakah sehingga sekarang pun jambatan itu nampak terbengkalai?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu nampak terbengkalai, tetapi sebenarnya tidak terbengkalai. Kerja-kerja itu adalah berjalan dengan baik dan Kementerian saya dan saya sendiri juga adalah mengambil berat di atas projek ini dan saya akan menjaganya projek ini supaya tidak akan terbengkalai.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dalam keterangan yang diberikan tadi, ingin saya mendapat penjelasan, mengapakah perbelanjaan jambatan itu dianggarkan terlalu banyak sangat perbezaannya daripada perbelanjaan Jambatan Yahya Putra di Kelantan, sedangkan jambatan di Temerloh itu tidak lebih panjang daripada Jambatan Yahya Putra di Kelantan?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, ini adalah disebabkan jambatan yang kita buat itu adalah lebih tegap memandangkan banjir yang sentiasa berlaku itu adalah tinggi dan berlaku besar di situ. Jadi pembinaan jambatan ini adalah

jambatan yang lebih tegap daripada yang sudah-sudah, maka itulah sebabnya memakan perbelanjaan yang bagitu besar.

#### TAPAK-TAPAK HOSPITAL DAN KLINIK—MENDIRIKAN

4. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan dan tapak-tapak di mana hospital-hospital dan klinik-klinik akan didirikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua di Negeri Sembilan.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kedua tidak ada hospital yang akan didirikan di Negeri Sembilan tetapi Kementerian Kesihatan mempunyai sejumlah 25 buah projek-projek kesihatan dan 27 projek-projek yang lain akan dilaksanakan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada di hospital-hospital sekarang di Negeri Sembilan. Projek-projek Kesihatan itu ialah seperti berikut:

Pusat Kesihatan Besar	...	2
Pusat Kesihatan Kecil	...	2
Rumah Bidan dan Klinik	...	17
Klinik Pergigian	... ..	4

Tempat-tempat projek-projek ini dibina dan tahun-tahun yang dilaksanakannya adalah seperti berikut:

Rancangan-rancangan Kesihatan Luar Bandar—

##### *Pusat Kesihatan Besar*

- (1) Mantin (1972)
- (2) Pertang (1974)

##### *Pusat Kesihatan Kecil*

- (1) Sendayan (1972)
- (2) Pasir Panjang (1972)

##### *Rumah-rumah Bidan dan Kelinik 1971*

- (1) Ulu Jelebu
- (2) Kuala Rembang Panas
- (3) Serting Hilir
- (4) Kampong Betong
- (5) Kuala Gachong
- (6) Kundor

1972

- (7) Gadong Jaya
- (8) Kampong Pulau Mampat
- (9) Gadong "A"
- (10) Kampong Petasseh
- (11) Kampong Jerang
- (12) Kampong Melang Tengah

1973

- (13) Sungai Raya
- (14) Sungei Jelutong
- (15) Kampong Beting
- (16) Kampong Teriang
- (17) Pasoh I (L.K.T.P.)

*Perkhidmatan Pergigian*

- (1) Klinik Pergigian Sekolah, Tampin  
(2) (1971) dan (1973).
- (2) Klinik Pergigian Sekolah, Bahau  
(1972).
- (3) Pusat Pergigian untuk Sekolah-sekolah Gemas (1972).
- (4) Memperluaskan dan Memperbaiki Klinik Pergigian, Seremban (1971).

Memperbaiki hospital, wad-wad dan lain-lain bangunan—27.

Tempat-tempat dan tahun pelaksanaan projek-projek ini adalah seperti berikut:

- (1) Maternal Child Health Clinic cum Health Office, Kuala Pilah ... .. 1973
- (2) Health Office, Tampin ... 1973
- (3) Maternal Child Health Clinic and Polyclinic, Seremban ... 1972
- (4) Extension to Labour Room, Hospital Daerah, Kuala Pilah 1971
- (5) Extension to Operation Theatre, Hospital Daerah, Kuala Pilah ... .. 1972
- (6) Extension to X-Ray Department, Hospital Daerah, Kuala Pilah ... .. 1972
- (7) New Administration Block/Dental Clinic, Hospital Daerah, Kuala Pilah ... 1973
- (8) Renovation to Wards 6 to 9, Hospital Daerah, Kuala Pilah 1973
- (9) Maternity Wards (2nd and 3rd Class) Hospital Daerah, Port Dickson ... .. 1973

- (10) Operation Theatre, Hospital Daerah, Port Dickson ... 1973
- (11) Medical Store, Hospital Daerah, Port Dickson ... 1973
- (12) Outpatient Department, Record Office and Admission Block, Hospital Daerah, Tampin ... .. 1973
- (13) Extension to X-Ray Department, Hospital Daerah, Tampin ... .. 1971
- (14) New Kitchen, Hospital Daerah, Tampin ... .. 1973
- (15) Renovation to Ward 3, Hospital Daerah, Tampin ... .. 1971
- (16) Laundry, Hospital Daerah, Tampin ... .. 1974
- (17) Klinik Dada and Ward Tibi, Tampin ... .. 1971
- (18) New Wards, Hospital Daerah, Jelebu ... .. 1973
- (19) Outpatients Department, Hospital Daerah, Jelebu ... 1972
- (20) New Maternity Ward, Hospital Daerah, Jelebu ... .. 1974
- (21) Medical and Linen Store, Tampin ... .. 1973
- (22) Medical Store, Kuala Pilah ... 1973
- (23) Medical Store, Jelebu ... 1974
- (24) Staff Nurses Hostel, Seremban 1973
- (25) Modern Sanitation to 15 Quarters, Kuala Pilah ... 1973
- (26) Nurses Hostel, Jelebu ... 1973
- (27) Nurses Hostel, Kuala Pilah ... 1973

**LATIHAN TEKNIK DAN VOKESYENAL**

**5. Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kemudahan-kemudahan Latihan Vokesyenal yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi tiap-tiap Negeri untuk melatih murid-murid yang pernah belajar di Tingkatan III tetapi tidak lulus peperiksaan L.C.E.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan latihan untuk teknik dan vokeshenal bukan sahaja

untuk belia-belia yang lulus S.R.P./L.C.E. tetapi juga untuk mereka yang mempunyai kelayakan yang rendah daripada itu. Di antara kemudahan-kemudahan tersebut termasuklah rancangan-rancangan latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Adapun rancangan-rancangan Kerajaan ini adalah sejajar dengan tujuan Rancangan Malaysia Kedua untuk mengadakan tenaga kerja manusia yang terlatih. Di samping itu rancangan ini juga menentukan bahawa belia-belia yang tidak mempunyai minat dalam lapangan pelajaran akademik akan juga dapat memainkan peranan mereka dengan cara yang sesuai dalam pembangunan. Dalam usaha inilah Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Penasihat Kebangsaan untuk Latihan Perusahaan (N.A.C.I.T.) yang mempunyai ahli dari sektor Kerajaan dan juga sektor swasta. Satu daripada tujuan Lembaga ini ialah untuk menentukan bahawa latihan yang diberi kepada belia-belia kita sesuai untuk keperluan bidang swasta dan kemajuan negara kita, terutama sekali dalam segi pembangunan perindustrian.

Semenjak tahun 1968 Institut Latihan Perusahaan (Industrial Training Institute) telah mengadakan kursus-kursus persediaan kemahiran (preparatory trade courses) di bawah rancangan latihan yang dipercepatkan (accelerated training programme) untuk menampung belia-belia yang tercicir di Tingkatan III. Tujuan utama rancangan ini ialah memberi latihan dalam beberapa bidang pekerjaan yang terlatih (skilled occupations) kepada belia-belia yang keluar sekolah dan juga kepada penganggur-penganggur yang lebih dewasa. Latihan-latihan yang diberi menjamin mereka satu mata pencarian yang tertentu. Di antara kursus-kursus yang diberi termasuklah kursus dalam lapangan kemahiran mekikal, letrik, bangunan dan percetakan.

Di samping kemudahan-kemudahan yang tersebut tadi terdapat juga kemudahan-kemudahan latihan kemahiran yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah rancangan Angkatan Belia Pelupur Negara (National Youth Pioneer Corps) di Dusun Tua semenjak tahun 1966. Jenis kursus yang diberi termasuk latihan pertukangan, membaiki kereta, memandu dan menyelenggara trektor dan menjahit. Kementerian ini juga memulakan rancangan "on-the-job training"

bagi projek-projek pertanian dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya dan juga latihan vokesyenal mobile unit di peringkat negeri, yang bertujuan memberi peluang latihan kepada belia-belia yang tidak maju dalam pelajaran sekolah akademik mereka.

Kementerian Pelajaran tidak menyediakan sekolah-sekolah latihan khas untuk mereka yang gagal dalam peperiksaan S.R.P./L.C.E. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat tentang pelajaran teknik dan vokesyenal. Kemudahan-kemudahan pelajaran teknik dan vokesyenal disediakan untuk pelajar-pelajar yang berkelayakan dan berminat di dalam lapangan-lapangan tersebut. Dalam usaha ini Kementerian Pelajaran telah membina 6 buah sekolah menengah vokesyenal dan 5 buah sekolah menengah teknik di bawah Rancangan Malaysia Pertama. Sekolah-sekolah menengah vokesyenal itu ialah di Kuala Lumpur, Seremban, Muar, Alor Star, Kuala Trengganu dan di Kangar, dan sekolah-sekolah menengah teknik itu ialah di Ipoh, Alor Star, Seremban, Melaka dan Johor Bahru. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua pula, 4 buah sekolah menengah vokeshenal, iaitu di Taiping, di Kelang, di Keluang dan Temerloh dan sebuah sekolah menengah teknik di Kuala Trengganu sedang dibina.

### KURSUS PENDIDIKAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN

**6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah benar bahawa Universiti Kebangsaan sudahpun memulakan kursus pendidikan mulai tahun pengajian 1972-1973 ini dan jika ya, sila nyatakan.

- (a) berapa lamakah tempuh kursus itu;
- (b) berapa ramaiakah pensyarah-pensyarah yang terlibat dan nyatakan nama serta kelayakan mereka masing-masing; dan
- (c) samada sebuah fakulti atau Jabatan telahpun diadakan bagi maksud itu.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, benar.

- (a) Kursus Pendidikan di Universiti Kebangsaan ini adalah berbeza dengan Kursus Pendidikan seperti yang diadakan di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Kursus ini merupakan kursus yang dipersatukan atau digabungkan untuk mahasiswa-mahasiswa ijazah pertama yang ingin memperolehi kelulusan ikhtisas dalam bidang pendid-

kan (peringkat diploma) di samping kelulusan akademik mereka. Jangka-masa untuk Kursus ini ialah tiga tahun iaitu serentak dengan jangkamasa pengajian untuk ijazah Sarjana Muda.

(b) Pensyarah-pensyarah yang telah dilantik setakat ini adalah dua orang seperti berikut—

(i) Dr Hassan Langgulong BA (Cairo) 1962; (Ein Shams) 1964; MA (Ein Shams) 1967; Ed. D (Georgia) 1971.

(ii) Nor Aziah Abd. Hamid, BA (Hons) Malaya 1963; Diploma Pendidikan—Universiti Malaya 1964, M. Ed. Indiana Universiti U.S.A. 1968.

(c) Sebuah Jabatan Pendidikan telah ditubuhkan di Fakulti Sastera bagi tujuan mengendalikankan Kursus tersebut.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, dapatkah Yang Berhormat Menteri membetulkan fahaman saya yang silap bahawa kursus akademik di Universiti Kebangsaan ialah 4 tahun tidak 3 tahun, dan yang kedua, siapakah Ketua Jabatan Pendidikan di Universiti Kebangsaan itu?

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, soalan itu tidak terang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Siapakah Ketua bagi Jabatan Pendidikan di Universiti Kebangsaan (Head of Department)?

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, saya telah difahamkan oleh pihak universiti iaitu jangka masanya ialah 3 tahun dan Ketua Jabatan itu saya tidaklah dapat tahu melainkan kalau dapat diberi notis, atau pun saya akan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu kelak.

#### LAPURAN AZIZ— PEMILIHAN GURU-GURU

**7. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada hal bahawa 98% guru-guru di seluruh negara telah memilih Laporan Suruhanjaya Aziz:

(a) samada beliau bersedia menimbang dan seterusnya menyelesaikan masaalah-masaalah mengenai lebih kurang

25,000 guru-guru yang tidak puas hati kerana mereka tidak ditempatkan dalam Tingkatan Gred C2;

(b) adakah benar bahawa guru-guru yang tetap dan berdaftar yang berkelayakan rendah dari M.C.E. atau S.P.M. seperti Junior Middle III (Cina) yang mereka perolehi semasa lepas perang tetapi mereka telah pun menjalani Kursus Latihan Guru-guru Cina (C.T.T.C.), Guru-guru Cina Latihan Normal yang berkelulusan Junior Middle III dan guru-guru latihan D.T.C. yang berkelulusan S.R.P. yang telah berkhidmat bagi tempoh 10 hingga 20 tahun tidak dapat ditempatkan dalam Gred C2 sedangkan guru-guru yang hanya lulus Darjah V, VI dan VII Sekolah-sekolah Rendah serta mereka yang lulus Junior Middle III (Cina) semasa sebelum perang dapat ditempatkan dalam tangga gaji Gred C2; dan

(c) samada guru-guru besar dan Ahli-ahli Lembaga Pengurus sekolah-sekolah rendah di seluruh negara akan dibayar elaun khas dan jika ya, berapa banyak yang akan dibayar kepada mereka tiap-tiap bulan.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua,

(a) Masaalah guru-guru itu telah pun dipertimbangkan oleh Kerajaan tetapi mereka tidak dapat ditempatkan ke dalam tanggagaji C2 kerana mereka tidak mempunyai kelayakan akademik untuk masuk ketanggagaji itu, iaitu S.P.M. atau yang setaraf dengannya sebagaimana yang terkandung di dalam syor-syor Suruhanjaya Gaji Guru.

(b) Benar. Penempatan guru-guru tersebut ke dalam Kategori C2 dilaksanakan mengikut syor-syor Suruhanjaya Gaji Aziz dan ini adalah merupakan satu keistimewaan atau concession kepada guru-guru itu.

(c) Mengenai pembayaran elaun tanggungjawab kepada guru-guru besar samada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah perkara ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan. Ahli-ahli Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Rendah dan juga Menengah tidak akan dibayar apa-apa elaun.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan dan penjelasan.

Berkenaan dengan soalan (c) itu adalah salah cetak. Soalan yang asal dari saya berbunyi bagini: sama ada guru-guru besar dan pengelola sekolah masing-masing di seluruh negeri, bukan "Ahli-ahli Lembaga Pengurus sekolah-sekolah" salah cetakan. Jawapan dari Yang Berhormat Menteri mengenai soalan (b) ialah guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan MCE atau SPM mengikut syor Lapuran Aziz tidak dapatlah ditempatkan di tangga gaji Gred C2 itu, atau pun katanya keistimewaan telah diberikan kepada guru-guru yang telah lulus Darjah V, VI dan VII di sekolah Rendah. Keistimewaan ini, saya rasa tidaklah patut, oleh sebab guru-guru yang berkelulusan selepas perang iaitu Junir Middle III dan LCE masuk latihan, maka patutlah ditempatkan di Gred C2 juga, oleh kerana mereka telah memberi perkhidmatan lebih kurang 10 atau 20 tahun kepada negara kita. Pada masa sekarang di sekolah rendah adalah dua pihak . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tambahan.

**Tuan Yang di Pertua:** Apa soalan tambahannya? Ini bersyarah nampaknya.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Minta maaf.

#### GURU-GURU LATIHAN C.T.T.C.—KESULITAN

8. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah beliau akan menyelesaikan kesulitan-kesulitan guru-guru latihan C.T.T.C. (Kursus Latihan Guru-Guru Cina) yang telah pun menghantarkan memorandum kepadanya pada 27.5.1972 kerana mereka telah disalah tempatkan dalam Gred B pada hal mereka sepatutnya ditempatkan dalam Gred A, Sekim Gaji Baru 1952. (Sila lihat surat Kementerian SU/POL/62(1)).

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, saya sedang mengkaji perkara ini.

#### GURU-GURU CINA DALAM KATEGORI C2

9. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan gulungan guru-guru sekolah Cina yang berkelulusan Senior

Middle III di seuruh negara yang telah diserahkan oleh Kementerian Pelajaran untuk ditempatkan dalam Gred C2 Tangga Gaji Aziz, dan gulungan-gulungan mereka yang tidak dapat ditempatkan dalam tangga gaji tersebut serta sebab-sebabnya.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, semua gulungan guru Cina yang terlatih dan mengajar dalam sekolah-sekolah bantuan penuh dan mempunyai sijil Senior Middle III yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau Sekolah-Sekolah Cina Persendirian, telah ditempatkan dalam Kategori C2.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG ZON PERDAGANGAN BEBAS (PINDAAN)

##### Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-Undang ini ialah untuk meminda Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971 dengan tujuan memberi pengecualian cukai jualan ke atas barang-barang yang dibuat atau dibawa masuk ke kawasan bebas perdagangan.

Menurut Seksyen 5 Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971, barang-barang boleh dibawa masuk ke kawasan perdagangan bebas tanpa bayaran cukai kastam atau eksais. Sebabnya ialah kerana kawasan perdagangan bebas adalah dimaksudkan untuk perusahaan-perusahaan yang mengeksport barang-barangnya dan penubuhan perusahaan-perusahaan itu akan diberi galakan yang besar jika peraturan-peraturan kastam yang dikenakan adalah minima. Sekarang ini belum ada peruntukan undang-undang mengenai pengecualian dari cukai jualan kerana cukai jualan diadakan baharu-baharu ini sahaja. Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya Akta Zon Perdagangan Bebas dipinda dengan dimasukkan pengecualian cukai ini di dalamnya.

Kerana sebab-sebab yang mana seperti tersebut di atas, adalah dicadangkan juga supaya peruntukan melesen di bawah undang-undang cukai jualan dan undang-undang eksais di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak tiada dikenakan kepada kawasan perdagangan bebas. Pindaan yang dicadangkan adalah terkandung di dalam Rang-Undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon men-cadangkan.

**Peguan Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan Rang Undang-Undang ini, saya bangun untuk memberi sedikit ucapan.

Tuan Yang di Pertua, penduduk Pulau Pinang telah bekerja dengan bersungguh-sungguh hendak meninggikan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan bebas, tetapi mereka telah gagal. Sebaliknya Pulau Pinang telah mendapat kawasan bebas atau free trade zone.

Tuan Yang di Pertua, pelabuhan bebas dan kawasan bebas adalah dua badan yang berbeza.

Yang pertama, adalah sebuah kawasan yang luar dan bebas dan barang-barang impot adalah tidak bercukai. Penduduk-penduduk Pulau Pinang telah mendapat keistimewaan daripada taraf pelabuhan bebas itu. Dengan itu juga telah memajukan per-usahaan pelancungan.

Yang kedua, adalah kawasan bebas yang sempit, adalah kawasan bebas yang sempit, yang beruntung bagi peniaga-peniaga datang ke situ membina kilang-kilang membuat, memasang barang-barang dan mengeksport barang-barang itu.

Tuan Yang di Pertua, memandang kepada kedudukan khas Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan yang baik dan hendak menandingi pelabuhan-pelabuhan di negeri jiran, Kerajaan Pusat barulah memberi taraf istimewa ataupun bantuan kewangan yang mencukupi. Tidakkah ada lain-lain jalan dari yang dua ini. Tidakkah Kerajaan Pusat menyemakkan keadaan Pulau Pinang. Beberapa tahun yang lalu perniagaan telah menurun dan lambat? Sebab yang pertama, ialah kerana Pulau Pinang telah kehilangan taraf pelabuhan bebas. Ini menyebabkan perkara-perkara yang mendukacitakan.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Campuran telah dibentuk di Pulau Pinang, kita dapat bekerja dengan rapat dan ikhlas. Kerajaan Pusat eloklah mengambil tindakan menyelesaikan masalah ini dengan segera. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, saya juga turut bercakap sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya juga, Tuan Yang di

Pertua, berasa sebagaimana yang dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang, iaitu Kerajaan patutlah menyemak semula kedudukan ini, tetapi alasan saya berlainan, iaitu bukanlah kita semata-mata hendak memberi keistimewaan kepada Pulau Pinang dengan sebab semata-mata ada Kerajaan Campuran, tetapi yang kita hendak kaji ini ialah adakah dengan mengubah taraf pelabuhan biasa kepada free zon, iaitu kawasan bebas ini, yang mana satu yang lebih menguntungkan kepada rakyat. Misalnya kalau kita buat seperti sekarang, iaitu zon bebas bagi perdagangan, maka kawasan yang terhad, yang very limited, yang tertentu sahaja yang dapat bebas. Ini tidak ada beza dengan kawasan kastam biasa, iaitu bercergasan berniaga yang hasil daripada tidak ada cukai tidak meribak ke kawasan-kawasan yang lain di dalam pulau itu sendiri. Dengan yang demikian boleh menghilangkan banyak peluang bekerja ataupun employment bagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

Kita sedar, Tuan Yang di Pertua, bahawa Pulau Pinang bukan sahaja tidak ada padi di situ, tetapi air yang merupakan satu benda sama dengan udara juga yang tidak pernah kurang pun, berasa kurang di Pulau Pinang itu. Jadi, kalau berasnya pun tidak ada, kayunya pun tidak ada, airnya pun dicatukan. Kemudian kawasan bebas pula diperkecilkan menjadi zon sahaja, maka rakyat-rakyat di situ tentulah merasa kesusahan yang lebih banyak dan apabila rakyat merasa susah, bukan tanggungan Kerajaan Pulau Pinang sahaja, tetapi tanggungan Kerajaan Pusat juga dan bukan sahaja tanggungan Kerajaan, tetapi tanggungan ke semua rakyat di Malaysia ini merasa kesusahan itu. Ini, Tuan Yang di Pertua, mungkin satu segi dari segi perkembangan ekonomi kita suka supaya zon itu menjadi bebas, dapat dilaburkan modal-modal untuk membuat berbagai-bagai faktri dan industri, tetapi masalaahnya bukan masalah kita mendapat untung banyak daripada situ, tetapi saya pandang masalah ialah dapatkah kita memberi peluang kepada rakyat di situ mendapat pekerjaan untuk mencari daily bread, ataupun makanan mereka tiap-tiap hari—itulah yang menjadi masalah.

Sehingga hari ini, Tuan Yang di Pertua, kita belum lagi, ataupun saya sendiri sekurang-sekurangnya belum pernah melihat satu perangkaan, statistik, walaupun sebagai

satu ramalan untuk maklumat kepada kita semua. Kita belum dapat lagi satu statistik yang menunjukkan keuntungan ekonomi daripada apa yang dijangkakan, yang patut didapati daripada zon yang bebas ini dibandingkan dengan peluang-peluang yang telah kita dapat semasa zaman pelabuhan bebas dahulu.

Tuan Yang di Pertua, mungkin Kerajaan akan dapat meramalkan beberapa keuntungan dari segi ekonomi, tetapi perkara yang besar ialah kita tidak boleh lupa kepada human resources, iaitu tenaga-tenaga manusia di dalam negara kita. Kita boleh menggunakan enjin, boleh menggunakan bermacam-macam lagi kemudahan yang dilahirkan oleh teknologi, tetapi kesemuanya itu bukan untuk teknologi, ertinya tidak teknologi untuk teknologi. Yang kita mahu teknologi untuk rakyat dan penduduk di situ sendiri. Jadi, Tuan Yang di Pertua, sekarang oleh kerana kemajuan sains dan kemajuan teknologi ini terlalu cepat, ertinya dia cepat daripada kesanggupan manusia yang hendak mengikut, maka negeri kita ini penuhlah dengan kemajuan-kemajuan sains dan teknologi-teknologi di samping manusia-manusia yang kurus, kepalanya besar, kurang makanan, menadah tangan, tak dapat bekerja di sana-sini. Kesemuanya dibolot oleh professor-professor teknologi, iaitu bukan orang yang mengajar teknologi, alat teknologi itu sendiri yang menjadi professor dan mengajar manusia-manusia, menunjukkan di mana nasib kamu boleh makan dan di mana nasib kamu boleh mencari harta.

Tuan Yang di Pertua, saya kata bagini ialah kerana di Pulau Pinang tenaga manusia dalam perusahaan lebih banyak daripada negeri-negeri yang lain, kerana mereka itu bukanlah orang yang berkelulusan atau-perusahaan. Walaupun kita katakan mereka itu bukanlah orang yang berkelulusan atau pun yang dilatih khusus untuk berniaga, tetapi dengan cara menghadapi alam perniagaan sepanjang masa, maka kita dapati guru-guru biasa yang menjalankan kerja-kerja kasar pun mereka itu boleh dinamakan skilled labour, kerana mereka telah ada banyak pengalaman.

Kalaulah kita mengadakan zon yang semacam ini, saya rasa, Tuan Yang di Pertua, ada baiknya juga, tetapi kalau kita hendak pinda semacam ini, kita akan men-

dapat untung yang banyak, tetapi wang itu tidak dapat kita salurkan kepada rakyat. Ini bukanlah bererti, Tuan Yang di Pertua, saya membangkang begitu kuat. Apa yang saya sebutkan ini ialah janganlah kerana zaman Kerajaan Campuran antara Perikatan dan Gerakan di Pulau Pinang itu, maka sebahagian orang yang sedap mendapat dengan projek-projek baharu teknologi, tetapi rakyatnya semakin susah dan menderita. Terima kasih.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan Rang Undang-undang ini di mana Kerajaan mengemukakan sedikit pindaan kepada Rang Undang-undang asal yang menegaskan tentang bukan sahaja duti eksais tetapi kepada soal cukai jualan. Tetapi pada dasarnya, maksud saya yang saya akan bercakap ini ialah pada dasar-dasar dari segi Rang Undang-undang ini, ialah sampai ke mana Kerajaan dapat melakukan kejayaan—mencapai kejayaan bagi kepentingan rakyat dan ekonomi negara ini, semenjak kita telah mengadakan Rang Undang-undang ini.

Sudah lama hal ini diperkatakan yakni Kerajaan membuka—akan mengistiharkan beberapa kawasan menjadi kawasan-kawasan perdagangan bebas atau kalau tidak salah ingatan saya daripada Batu Pahat, Melaka sampai ke beberapa tempat lagi termasuk juga kawasan Pulau Pinang iaitu di kawasan Bayan Lepas.

Kita tidak pernah menentang rancangan Kerajaan ini seperti yang kita tidak pernah menentang rancangan Kerajaan untuk menghapuskan pelabuhan bebas di Pulau Pinang oleh sebab-sebab yang adil, oleh kerana negara kita sebahagiannya sudah mulai menapak kepada negara industri di samping kita mengekalkan negara pertanian maka mahu tidak mahu taraf pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas terpaksa dipersoalkan dan ini sudah harus dilakukan lama dahulu, cuma oleh kerana keadaan-keadaan politik menyebabkan Kerajaan melangkah sedikit demi sedikit; itu adalah soal pihak Kerajaan dengan rakyat dari segi politiknya.

Adapun yang mengenai dengan kawasan perdagangan bebas ini, saya belum nampak ada kesungguhan dan kejayaan yang besar dalam perkara ini terutama dari segi bumi-putra memasuki lapangan ini sebab kawasan

itu merupakan satu kawasan perniagaan impot dan ekspot. Dan saya fikir kesempatan dengan kawasan-kawasan yang seperti ini Kerajaan harus memberi maklumat yang cukup dan memberi jalan yang cerah supaya golongan bumiputra dapat mengambil kesempatan dalam perdagangan impot ekspot sama ada bersendirian atau berkongsi dengan warganegara Malaysia yang sudah berpengalaman atau dengan pedagang-pedagang dari luar negeri dalam peringkat perusahaan yang tidak begitu besar supaya sistem impot dan ekspot itu dapat dijalankan yang mana boleh memberi pekerjaan kepada rakyat kita dan dengan itu menjamin kemakmuran bumiputra dalam lapangan ekonomi dapat kita melihat cara bersungguh-sungguh.

Yang menyebabkan saya membangkitkan perkara ini kerana saya tidak pernah dapat peluang mengikuti dengan cara bersungguh-sungguh setakat mana Kerajaan telah membuka jalan mendorong bumiputra memasuki lapangan ini. Saya katakan misalnya dalam perdagangan, ada negara industri yang barang-barang dagangnya dikenakan quota untuk di ekspot ke sebuah negeri. Barang-barang seperti itu kalau dapat ditubuhkan perusahaan dalam kawasan-kawasan ini sebagai formality ertinya sebuah industri pada dibangunkan mama dan hanya menyudahkan sebahagian daripada industri yang dibuat di negeri lain yang dikenakan quota untuk diekspot ke sebuah negeri lain maka barang dari Malaysia tentu dapat diekspot pula ke negeri yang mengenakan quota pada negeri ekspot yang pertama tadi sekiranya Kerajaan membenarkan perkara ini dijalankan, ertinya sama seperti memasang motokar, kerjanya yang di sini, hanya memasang motokar di sini, demikianlah halnya dengan industri yang kecil-kecil. Peluang ini boleh dimasuki oleh bumiputra sekiranya Kerajaan membuka jalan dan mendorong dengan secara bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya ada banyak peluang yang mahu diambil, akan tetapi jalannya tidak nampak kepada rakyat bumiputra, maka dengan sebab itu timbul usaha-usaha yang besar-besar merupakan cara gergasi dan kalau itulah yang timbul, maka orang-orang bumiputra hanya menengok semata-mata atau mendengar semata-mata.

Perhubungan perdagangan antara Indonesia dengan Malaysia misalnya ada banyak yang boleh dilakukan atas dasar impot dan ekspot

tetapi oleh kerana ada sekatan-sekatan atau kecemburuan daripada pihak Indonesia juga untuk kita impot kemudian ekspot semula bertanding dengan perusahaannya sendiri, maka hal ini dapat diusahakan bersama dengan kerjasama Indonesia-Malaysia dibidang ekonomi bagi membolehkan joint venture antara rakyat Malaysia dan rakyat Indonesia mengadakan processing di kawasan-kawasan ini kemudian diekspot semula dengan barang-barang yang merupakan mutunya yang lebih tinggi. Dengan cara yang semacam ini akan menolong rakyat dan saya percaya MARA dan PERNAS boleh mengambil-bahagian mempelupuri perkara ini kemudian rakyat sedikit demi sedikit ikut campur dan kemudian diserahkan bagi usaha-usaha perdagangan di dalam jangka panjang. Sekian.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan dalam perkara Undang-undang ini, iaitu saya hendak bertanya adakah pindaan Undang-undang ini dibawa bagi meminda supaya dikecualikan cukai kepada kilang-kilang yang ada dalam zon bebas ini ialah datangnya daripada permohonan-permohonan yang disampaikan oleh pengilang-pengilang yang ada di dalam zon bebas ini, ataupun sengaja process pindaan ini dibuat dengan nasihat dan fikiran daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun daripada permohonan yang disampaikan oleh pengilang-pengilang yang ada dalam zon bebas ini. Sebab setahu saya satu-satu pengecualian cukai ini ialah satu perkara yang sangat besar, iaitu kita akan merugikan satu bahagian yang besar daripada cukai jualan sekiranya dibebaskan cukai jualan kepada perusahaan yang besar-besar ini. Manakala saya tahu pengilang-pengilang kecil seperti pembatik di Kelantan untuk meminta supaya dibuat pindaan atau pun diberi pengecualian, terpaksa Kerajaan mengadakan penyiasatan, mengadakan suruhanjaya menyiasat (commission) dan sebagainya itu cuma benda yang kecil-kecil sahaja. Dalam zon bebas ini industri-industri yang besar-besar diberi pengecualian dengan satu process yang sangat mudah begini, adakah ini daripada nasihat Jabatan Perdana Menteri ataupun nasihat dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun desakan daripada pengilang-pengilang itu sendiri. Sebab daripada desakan yang dibuat oleh pengilang

kecil tidak begitu sangat dipertimbangkan, manakala desakan daripada pengilang besar senang sahaja dibuat pindaan. Adakah ini satu daripada sebab-sebabnya?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang pindaan ini.

Mula-mula sekali saya fikir eloklah saya jelaskan apa zon perdagangan bebas itu supaya memudahkan fahaman kita.

Zon Perdagangan Bebas ini didirikan dengan tujuan hendak mengelakkan daripada formality atau pun peraturan-peraturan kastam yang biasa dan juga dengan tujuan tidak mengenakan cukai impot, cukai eksport dan sebagainya yakni termasuklah cukai jualan, kerana tujuan zon perdagangan bebas ini dia ialah daripada segi perdagangan entrepot yakni barang-barang dagang yang dibawa masuk ke dalam zon ini, kemudian dijual balik keluar negeri, tidaklah dikenakan cukai impot dan cukai eksport yakni untuk melihat ataupun to cater kepentingan entrepot trade dari segi pengilangan ataupun manufacturing barang-barang yang dikilang di dalam zon perdagangan bebas ini tidak dikenakan cukai impot dan cukai eksport dan juga cukai jualan dan sebagainya, kerana barang-barang ini dikilang kemudian dihantar keluar negeri, tidak dijual di dalam pasaran dalam negeri. Tetapi kalau barang-barang itu hendak dijual di dalam pasaran dalam negeri dan jika mendapat kebenaran daripada pehak Kerajaan, maka terkenallah dia membayar cukai sebagaimana cukai barang-barang yang diimport daripada luar negeri. Jadi inilah pada asasnya struktur ataupun tujuan zon perdagangan bebas.

Kemudian pada masa kita mengemukakan Rang Undang-undang Zon Perdagangan Bebas dahulu, cukai jualan belum ada lagi. Pada ketika itu soal kecuai ataupun tidak kecuai cukai jualan daripada zon perdagangan bebas tidak timbul, tetapi zon perdagangan bebas memanglah diberi kecuai daripada cukai impot, cukai eksport, cukai tambahan (surtax) dan lain-lain. Tetapi bila kita mengenakan cukai jualan kemudiannya, maka sekarang inilah terpaksa kita datang ke Dewan Negara meminta supaya cukai jualan juga dikecualikan daripada dikenakan ke atas kawasan zon perdagangan bebas. Jadi tidak ada persamaannya dengan permohonan kecuai cukai jualan daripada

pengusaha-pengusaha batik. Pengusaha-pengusaha batik yang dibuat di dalam negeri yang terletak di dalam negeri dan juga di dalam kawasan negeri yang tertakluk kepada segala peraturan dan formality kastam. Dan juga barang-barang yang dibuatnya dijual di dalam negeri. Sebaliknya barang-barang yang dibuat dalam zon perdagangan bebas tidak dijual di dalam negeri, sebaliknya dijual keluar negeri atau diekspot. Begitu juga barang-barang yang diimport kemudian diekspot semula yakni entrepot trade tidak dikenakan cukai yang lain, maka sekarang inilah Kerajaan datang ke Dewan Negara meminta dimasukkan soal pengecualian cukai jualan bagi kawasan perdagangan bebas. Jadi soal desakan, soal permohonan daripada pengilang-pengilang, pedagang-pedagang di dalam kawasan bebas, soal ini adalah tidak timbul.

Yang Berhormat Encik Oh Siew Aun mengatakan untuk entrepot trade tadi, yang sebenarnya entrepot trade boleh dikawal kepentingan entrepot trade ini di dalam zon perdagangan bebas. Jadi kalau barang-barang yang katakanlah umpamanya getah, kelapa yang dibawa daripada Indonesia ataupun daripada Thailand misalnya dibawa masuk ke mari kemudian diproses, kalau diproses di dalam kawasan perdagangan bebas, kemudian diekspot semula atau re-export, perkara-perkara macam ini, entrepot trade macam ini adalah termasuk yakni dikawali ataupun catered for by Free Trade Zone.

Berkenaan dengan mestilah diberikan layanan istimewa, jadi sukalah saya bertanya iaitu kenapa mesti Pulau Pinang sahaja diberi layanan istimewa? Tentulah orang-orang daripada Negeri lain akan bertanya kenapa tidak negeri Kelantan diberi layanan istimewa? Kelantan ada sebab-sebabnya juga. Kenapa tidak Trengganu? Kenapa tidak Perlis? Kemudian orang Sabah akan bertanya kenapa tidak Sabah? Kenapa tidak Sarawak? Akhirnya kalau kita hendak melanjutkan lojik ini ke seluruh Malaysia, kita berikan layanan istimewa seluruh Malaysia, tidak dikenakan sebarang cukai, maka kita tidak ada duit langsung hendak bayar segala perbelanjaan di dalam negeri kita. Jadi lojik yang macam ini, saya fikir lojik yang tidak sehat. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu maksudkan untuk menulung mengatasi masalah-masalah Pulau Pinang, maka Pulau Pinang harus diberikan bantuan yang perlu, yang penting oleh Kerajaan Pusat, maka itu

soal lain. Dan soal ini sebagaimana yang telah saya janjikan di dalam Dewan Rakyat, Kerajaan Pusat sedia menimbangkan. Bahkan dalam masa beberapa hari yang lepas, baru beberapa hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun pergi ke Pulau Pinang dan juga berunding dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah berkata pelabuhan bebas dikesilkan menjadi zon bebas. Soal membesar, mengecilkan, Tuan Yang di Pertua, tidak timbul, kerana dua perkara ini adalah dua perkara yang agak berlainan. Misalnya pelabuhan bebas, kalau kita berbelanja di dalam pelabuhan bebas itu, beli barang, kita tidak kena cukai. Tetapi kalau di dalam zon perdagangan bebas ini, kita hendak masuk dalam itu, hendak beli barang, kita tidak boleh. Ada banyak perbezaan antara pelabuhan bebas dengan zon perdagangan bebas. Jadi soal mengecilkan, membesarkan adalah tidak timbul.

Soal memberi peluang pekerjaan, adakah zon perdagangan bebas ini dapat memberikan lebih peluang pekerjaan. Selain daripada menggalakkan industrialisation ataupun proses mendirikan lebih banyak kilang, memanglah menjadi tujuan Kerajaan hendak menggalakkan penggunaan tenaga pekerja-pekerja. Sebab itulah kalau kita tengok dasar Kerajaan sekarang yakni Kerajaan mengutamakan ataupun lebih memberi keutamaan kepada perusahaan-perusahaan yang banyak menggunakan tenaga manusia. Dan dalam bidang inilah Kerajaan sekarang sangat mengutamakan memberi top priority kepada perusahaan elektronik misalnya kerana perusahaan macam ini sangat banyak menggunakan tenaga pekerja atau tenaga manusia daripada tenaga jentera. Bahkan kalau Ahli Yang Berhormat masih ingat Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan, yakni memberikan insentif bagi perusahaan-perusahaan yang menggunakan banyak tenaga manusia, lagi banyak tenaga manusia yang dipergunakan lagi banyak insentif yang diberikan oleh Kerajaan dengan tujuan hendak menggalakkan penggunaan tenaga manusia di dalam kilang-kilang lebih banyak lagi. Dengan yang demikian, soal majunya teknologi itu, tetapi pekerjaan tak dapat maka tidaklah timbul sebagai hasil ataupun sebagai akibat daripada dasar Kerajaan kita kerana dasar Kerajaan kita telah dibentuk

dengan begitu rupa dengan memperhitungkan kepentingan penggunaan tenaga manusia atau pun employment.

Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus tak nampak apa peranannya yang bumiputra boleh dapat, apa faedahnya bumiputra boleh dapat daripada zon perdagangan bebas. Tuan Yang di Pertua, di dalam zon perdagangan bebas ini bumiputra adalah di berikan peluang, dibukakan peluang untuk mengambil bahagian samada sama-sama mendirikan kilang dalam bentuk joint venture atau sebagainya atau pun menjalankan entrepot trade yakni perdagangan entrepot samada joint venture atau pun dengan berseendirinya. Dan juga kalau sekiranya memerlukan bantuan-bantuan, maka Kerajaan ada ejensi-ejensi atau pun badan-badan seumpama MARA, Bank Bumiputra dan lain-lain lagi untuk menolong samada menolong memberikan kredit ataupun menolong menguruskan lain-lain perkara seperti PERNAS dan sebagainya. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada fikiran-fikiran atau syorsyor yang lebih tepat, yang lebih jelas, maka pehak Kerajaan sedia menimbangkannya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)

### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah bagi meminda gelaran jawatan-jawatan Pegawai-pegawai Kanan Kastam yang tertentu.

Mengikut Seksyen 2 (1) Akta, 1967 istilah "Pegawai Kastam" bermakna, antara lain, seseorang Pengarah Wilayah, Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, Penolong Kanan Pengarah atau Penolong Pengarah Kastam dan Eksais. Berikutan daripada penyusunan semula Jabatan Kastam baru-baru ini adalah dicadangkan supaya gelaran jawatan-jawatan Pengarah Wilayah, Timbalan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah dipinda kepada Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah dan Pengarah mengikut mana yang berkenaan.

Pindaan-pindaan kepada gelaran-gelaran yang dicadangkan adalah terkandung di dalam Rang Undang-undang yang juga membolehkan pindaan-pindaan yang berlaku kemudiannya dibuat.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Peraturan 7 Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang berbunyi:

"Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia . . . ."

Saya yakin setelah lebih 10 tahun selepas merdeka sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dalam perbahasan Dewan ini. Diminta supaya bercakap dalam bahasa Malaysia!

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di Pertua, jikalau saya berucap dalam bahasa Malaysia, kenalah saya meminta maaf, jika ada kesilapan nahu dan susunan bahasa saya, sebab saya fikir jika kita hendak bersyarah atau berucap dalam perbahasan ini, kita mesti tahu sedalam-dalamnya bahasa itu baharulah boleh kita mengeluarkan perasaan kita. Di dalam bahasa teknologi, tak ada dalam Bahasa Malaysia, itulah sebabnya saya hendak minta kepada Tuan Yang di Pertua, berucap sedikit dalam bahasa Inggeris, sebab saya boleh keluarkan perasaan saya dengan betul.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu cukup pintar dalam Bahasa Malaysia. Kalau tidak, tentu tak dapat berucap semacam itu dan lagi beliau ini

datang daripada negeri Kedah yang masyhor dengan orang bukan Melayu yang boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di Pertua, jikalau tak dibenarkan saya berucap dalam bahasa Inggeris, saya akan cuba dalam bahasa Malaysia, tetapi saya tidak fasih di dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu, saya minta maaf, jika ada kesilapan di dalam ucapan saya. Di sini saya hendak minta penerangan, apa sebab ditukar nama Deputy Director General. Adakah ditukar tugas-tugasnya atau tanggungjawabnya ataupun ditukar namanya sahaja. Jikalau ditukar nama sahaja, apa sebabnya, jikalau ditukar tanggungjawab, patutlah diterangkan dalam Akta ini tentang tanggungjawabnya mengikut Undang-undang yang baharu ini. Itulah sahaja yang saya hendak minta penerangan. Terima kasih.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, dengan Rang Undang-undang Pindaan ini pertukaran ini hanyalah bererti pertukaran nama saja, bukanlah pertukaran yang lain. Dan kalau ditanya pula apa perlunya ditukar nama ini tak berhenti-henti, jadi pertukaran ini dibuat dengan tujuan hendak menyesuaikan dengan pertukaran nama-nama pangkat yang ada dalam negeri kita. Misalnya dahulu Ketua bagi Perkhidmatan Awam di dalam sesuatu Kementerian itu dipanggil Permanent Secretary ataupun Setiausaha Tetap, tetapi sekarang dipanggil Ketua Setiausaha ataupun Secretary General of the Ministry. Jadi pindaan yang ada di hadapan kita ini adalah in line dengan pindaan-pindaan gelaran pangkat yang ada di dalam negeri kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sabagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG DUTI SEWA FILEM WAYANG GAMBAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan semula, pindaan-pindaan yang dibuat kepada Seksyen 2 dan 4 Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar, 1965 melalui Ordinan No. 62 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970, dalam undang-undang yang kekal. Peluang adalah juga diambil dalam Rang Undang-undang ini untuk meminda semula Seksyen 4.

Pindaan kepada takrif perkataan "sewa" dalam Seksyen-seksyen ialah untuk menjelaskan bahawa hanya pendapatan yang diterima dari penyewaan dan pemberian sewaan filem wayang gambar di Malaysia sahaja yang tertakluk kepada duti sewa filem.

Berkenaan dengan Seksyen 4, pindaan itu telah dibuat untuk melanjutkan tempoh pemungutan duti sewa filem dari 6 bulan kepada 6 tahun di dalam tempoh mana duti sewa filem yang terkurang dibayar atau apa-apa pemulangan balik yang terlebih dibayar boleh dipungut. Pindaan itu juga telah dimaksudkan bagi mengadakan peruntukan bahawa jika sekiranya duti sewa filem terkurang dibayar atau terlebih dipulangkan balik disebabkan oleh tipuan, keenggaran sengaja atau kecuaiannya di pihak seseorang, maka wang itu boleh dituntut pada bila-bila masa.

Berkenaan dengan tarikh mula berkuatkuasanya pindaan kepada Seksyen 4 adalah dicadangkan bahawa tarikh itu dikebelakangan kepada 1hb Januari, 1965.

Dewan dapat memerhatikan bahawa peruntukan kepada Seksyen 4 (7) sekarang ini berbunyi demikian:

"Provided that where it appears to the Comptroller that any form of fraud or wilful default has been committed by or on behalf of any person has been negligent in connection with or in relation to film hire duty under this Act, any duty short paid or any refund of duty erroneously made, as the case may be, shall be paid on demand being made by the Comptroller at any time."

Adalah dicadangkan sekarang supaya peruntukan tersebut dipinda seperti di dalam Rang Undang-undang supaya menjadi lebih jelas maksudnya.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar, 1965.

Mengenai kemasukan filem-filem luar terutama filem X ke negeri kita ini, saya fikir telah merosakkan nilai-nilai moral masyarakat kita. Sungguhpun Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Peringkat Parlimen mengenai filem X yang menimbulkan persoalan menjalankan penyasatannya, akan tetapi malangnya penayangan filem-filem X itu yang tidak sepatutnya diteruskan ketika Jawatankuasa tersebut sedang menjalankan tugasnya, masih juga ditayangkan. Filem-filem X sudah lama ditayangkan di panggung-panggung wayang di negeri kita ini dan pemikiran-pemikiran pemuda-pemudi telah diracunkan oleh filem-filem X. Inilah kena masa Kerajaan sepatutnya terus mengharamkan filem-filem X dengan serta-merta dan tak payahlah dibuang masa lagi atas kajian filem-filem X itu.

Tuan Yang di Pertua, saya suka merayu kepada Kerajaan supaya mencari jalan untuk memikirkan bagaimana cara dapat disalurkan semangat pembangunan dan pelajaran kepada rakyat. Saya tidak faham mengapa Lembaga Penapis Filem itu telah meluluskan sebanyak 46 filem-filem X untuk orang-orang dewasa katanya untuk ditayangkan di panggung-panggung negeri kita dan syarat-syarat melihat filem-filem itu adalah dihadkan umurnya 18 tahun ke atas, baharulah dibenarkan melihat filem-filem X. Ini dikatakan orang dewasa. Marilah kita mengkaji bersama-sama mengenai umur 18 tahun. Kalau filem-filem mengandungi pelajaran sex untuk diajarkan kepada pemuda-pemudi kita, cara ini boleh dikatakan baik, akan tetapi filem-filem X itu bukanlah mengenai pelajaran-pelajaran sex, cuma pertunjukan nafsu sex sahaja. Kita semua tahu pemuda-pemudi 18 tahun itu otak-otaknya masih lemah dan bersih lagi. Setelah mereka

melihat filem-filem itu merosakkanlah fikiran-fikiran mereka dan disalurkan mereka membuat cara-cara yang buruk.

Selain daripada itu filem-filem X patutlah Kerajaan haramkan juga mengenai filem-filem lawan bertumbuh kuat, filem-filem ganja, filem-filem hippies dan sebagainya. Filem-filem tersebut itu telah merusakkan nilai moral masyarakat dan kesupanan-kesupanan negeri kita. Saya merayu kepada pehak membuat filem-filem X itu diberhentikanlah mengeluarkan filem-filem seumpama itu dan patutlah membuat seberapa banyak yang boleh mengenai filem-filem berpelajaran untuk membetulkan otak fikiran baik kepada pemuda-pemudi.

Tuan Yang di Pertua, untuk moral yang baik bagi sosial, untuk keamanan dan faedah negara kita, saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan supaya mengharamkan terus filem-filem X itu ditayangkan di negeri kita dengan serta-merta.

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong penuh Akta ini.

Saya hendak ambil peluang di sini bertanya kepada Timbalan Menteri kita, mengapa Ahli-ahli Dewan ini tidak dapat masuk ke Parliamentary Committee bagi menyiasat Filem Sex. Saya fikir, kalau kita hendak panggil Jawatankuasa Parliamentary, perkataan "Parliamentary" adalah terdiri Ahli-ahli dari dua Dewan, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kalau tidak, Jawatankuasa itu betul-betul dipanggil Jawatankuasa Dewan Rakyat dan bukan Parliamentary Committee. Dan, Tuan Yang di Pertua, kalau fikiran Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak penting, saya tidak tahu, mengapa Ahli-ahli kita duduk di sini. Terima kasih.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini ialah merupakan pindaan bagi suatu undang-undang yang semata-mata berkuatkuasa hendak kutip cukai sewa filem yang ditunjukkan di dalam negeri ini.

Tentang hendak benarkan atau tidak benarkan, hendak haramkan atau tidak haramkan filem-filem yang hendak ditunjukkan, itu adalah di bawah kuatkuasa undang-undang yang lain dan di bawah kuatkuasa Kementerian yang lain, lebih tegas lagi

perkara haram-mengharam, larang-melarang, benar atau tidak benar itu adalah di bawah kuatkuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Soal yang satu lagi iaitu berkenaan hendak cari jalan di mana semangat melalui filem-filem, saya fikir perkara ini sudah pun dibuat oleh Kementerian Penerangan yakni melalui filem-filem yang dibuat oleh Filem Negara dan juga melalui filem-filem yang dibuat oleh Talivisyen.

Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow tadi membangkitkan kenapa Ahli Dewan Negara tidak masuk dalam Jawatankuasa semua parti Parlimen. Perkara ini bolehlah disampaikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kerana perkara ini di dalam tanggungjawab dan kuatkuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi tidak di dalam Kementerian Kewangan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN PERNIAGAAN, PROFESYEN DAN TRED (SARAWAK) (PINDAAN)**

### **Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan menyatukan peraturan melesen, dan kadar-kadar bayaran yang dikenakan ke atas perniagaan-perniagaan dan profesyen-profesyen yang dikehendaki didaftarkan di bawah Ordinan tersebut.

Di Sarawak, di mana Ordinan Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred (Bab. 33) berkuatkuasa, lesen-lesen perniagaan dikeluarkan tiap-tiap tahun atas pembayaran

lesen yang ditetapkan untuk setiap jenis perniagaan di dalam Jadual Pertama kepada Ordinan itu. Kadar-kadar bayaran itu adalah daripada \$24 untuk perniagaan-perniagaan ahli pertukangan dan meningkat setinggi \$400 untuk perniagaan pengilang-pengilang papan. Apabila tamat lesen-lesen itu kena dibaharui dengan bayaran sebanyak \$5 sahaja.

Di negeri Sabah, bayaran yang dikenakan ke atas perniagaan pada waktu pendaftaran telahpun disamakan semenjak 1967 dengan bayaran yang dikenakan di Malaysia Barat dengan kadar yang serupa sebanyak \$25 untuk semua jenis perniagaan. Apabila tamat lesen itu kena dibaharukan tiap-tiap tahun, dan kadar bayaran untuk membaharui lesen adalah sama dengan bayaran pada waktu pendaftaran, iaitu sebanyak \$25.

Kerajaan Sarawak telah pun bersetuju membuat pindaan mengurangkan bayaran lesen perniagaan dan menyatukan bayaran pendaftaran dengan bayaran-bayaran yang dikenakan di Malaysia Barat dan di Sabah. Bayaran-bayaran yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama Ordinan Sarawak telah pun dipinda seterusnya dengan persetujuan Kerajaan Sarawak.

Sebagai langkah selanjutnya terhadap penyatuan, sebahagian peruntukan-peruntukan Ordinan Sarawak kenalah dipinda dengan sesuainya untuk memberikan persamaan yang lebih lagi di dalam peraturan-peraturan melesen dengan peraturan-peraturan yang digunakan di Negeri Sabah dan Sarawak. Seksyen-seksyen kecil (1) dan (2) kepada Seksyen (6) Ordinan Sarawak telah dipinda di dalam Rang Undang-undang dengan sapertinya dengan tujuan membolehkan pengeluaran lesen-lesen perdagangan bagi tempoh setahun pada mula pendaftaran dengan bayaran sebanyak \$25 dan bayaran pembaharuan sebanyak \$25 setahun yang dapat dibayar secara bayaran ansuran dua kali setahun jika dipohon.

Rang Undang-undang ini selain daripada sebagai satu langkah terhadap penyatuan yang lebih lagi, juga akan meminda lain-lain seksyen yang berkenaan dengan Seksyen 19 di mana segala peruntukan mengenai pemulangan bayaran-bayaran di waktu penyerahan lesen, adalah dihapuskan. Jadual keempat kepada Ordinan tersebut adalah juga dipinda dengan sapertinya dengan cara menggantikan Borang-borang 1 dan 2 dengan

format-format baharu seperti yang dikembarkan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 3 dan Seksyen 8 (3) (b) Akta Peraturan Kewangan, 1972 untuk membolehkan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri melaburkan wang yang dipegang dalam Kumpulan Wang Negeri Yang Disatukan dalam mana-mana bank (lain daripada yang dlesen di bawah Ordinan Bank, 1958) yang didaftarkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama, 1948 atau yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau tertakluk kepada kuasa undang-undang Negeri atau ketetapan Dewan-dewan Undangan dalam sesuatu pengusahaan dengan mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Perbendaharaan.

Berhubung dengan ini, perhatian Majlis adalah ditarik kepada HURAIAN dalam Rang Undang-undang itu di mana perkataan "subject to prior approval of the Treasury and the authority of State law or resolution of the Legislative Assembly of the State" sepatutnya dituliskan demikian "subject to

the authority of State law or a resolution of the Legislature in any undertaking after consultation with the Treasury.”

Mengikuti peruntukan sekarang dalam Akta Peraturan Kewangan, 1957, Negeri-negeri dibenarkan melaburkan wang yang dipengangnya hanya dalam bank-bank yang dilesen di bawah Ordinan Bank, 1958, dalam “securities” yang telah atau akan dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, atau dalam mana-mana pelaburan yang diluluskan di bawah Trustee Ordinance, 1949 atau Trustee Investment Act, 1965. Ini menyekat Negeri-negeri kerana Negeri-negeri tidak dapat meluaskan penanaman modal mereka dengan cara melaburkan wang mereka dengan bank-bank selain daripada bank-bank yang dilesen di bawah Ordinan Bank, 1958, ataupun dengan mana-mana perusahaan. Ini juga menyebabkan kerugian hasil yang mungkin akan diperolehi oleh Negeri-negeri kerana wang yang dilaburkan dengan bank-bank lain dan perusahaan-perusahaan lain membawa faedah yang lebih tinggi. Untuk menghapuskan sekatan-sekatan ini adalah perlu untuk dipinda takrif “bank” di bawah Seksyen 3 Akta Peraturan Kewangan, 1957 supaya termasuk juga bank-bank lain yang berdaftar di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama, 1948, atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang diluluskan oleh Menteri. Adalah juga perlu dipinda Seksyen 8 (3) (b) dengan menambahkan satu perenggan kecil (iv) baharu yang berbunyi: “subject to the authority of State law or a resolution of the Legislature in any undertaking after consultation with the Treasury.”

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG DI SATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

### Bacaan Kali Yang Kedua

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan pada awal tahun 1973 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 diluluskan oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan mendapat Persetujuan Di Raja pada tahun hadapan. Peraturan ini adalah mengikut Perkara 102 (a) Perlembagaan kita.

Rang Undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan jumlah wang sebanyak \$709,460,010 yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh empat bulan yang pertama dalam tahun 1973. Jadual kepada Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu yang tidak termasuk Kepala Bekalan 60—Jabatan Talikom yang akan dibiayai oleh sumber-sumbernya sendiri mengikut Bahagian IIA Akta Talikom, 1950. Perbelanjaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidak termasuk perbelanjaan tanggungan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tidak dikehendaki untuk diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan Tahunan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, kalaulah tidak salah pada ingatan saya disebabkan dalam Rang Undang-undang ini saya menyatakan untuk dijalankan pada tahun 1973. Saya suka menyatakan dua tiga perkara di sini dan perkara ini saya telah bercakap dalam Dewan ini beberapa kali yang lepas, yang pertama

berkenaan dengan dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang ada peruntukannya di sini. Saya sebagai bekas . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Kementerian mana?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

**Tuan Yang di Pertua:** Perkara nombor berapa dalam jadual?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** B. 49.

**Tuan Yang di Pertua:** Baik.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya sebagai bekas Penyelia KEMAS yang saya bercakap di sini bersimpati di atas jawatan-jawatan yang berkenaan. Setahu saya dalam Kementerian-kementerian yang lain bagi pehak Kerajaan saya mengucapkan terima kasih dalam mengambil langkah di segenap segi, baik dari segi guru dan berbagai-bagai lagi dan hari ini juga kita sama-sama mendengar seorang daripada Ahli Dewan Negara menyatakan yang guru-guru terutamanya guru besar patutlah diberi elaun sebagai elaun guru besar. Saya cadangkan bukan ini sahaja tetapi oleh sebab salah seorang kawan saya bertanya dan di pehak Kementerian kita telah menjawab, maka kita berharaplah perkara yang berkenaan mendapat simpati.

Yang kedua, Kepala B. 49. Saya telah bercakap dalam Dewan ini bahawa Kementerian lain telah mendapat pertimbangan daripada pehak Kerajaan, tetapi dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat terutama sekali Penyelia-penyelia Kebajikan Masyarakat hari ini telah diberi tugas oleh Kementerian yang berkenaan tugasnya yang berlebihan dengan mengadakan kampung cuntau dan sebagainya. Dan setakat yang saya tahu kaum tani ini, sekali pun kalau seorang itu diberi banyak tugas dan banyak membuat kebaikan, maka banyaklah mendapat pahla—itulah buat yang pertama kali yang kita buat. Tetapi dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat, kita beri tugas sedangkan elaun ataupun pendapatan kita tidak hendak ditambah seperti yang saya katakan Penyelia Kelas Kemajuan Masyarakat, Penulung Penyelia, elaunnya \$200 sedangkan tugasnya semacam dengan Penyelia-penyelia yang lain. Saya tahu, Tuan Yang di Pertua, kerjanya amat teruk kadangkala 24 jam untuk memajukan kampung. Saya berharaplah pehak Kementerian yang

berkenaan, dan saya dengar ada ura-ura mengatakan perkara ini akan ditimbang dan saya dengar dari kawan-kawan kita yang telah bercakap dua tiga kali dan semasa saya menjadi Penyelia pun kerap kali dibuat rayuan, tetapi rayuan tinggal rayuan. Dengan ini, dalam Dewan yang mulia, saya berharaplah sebagai seorang bekas Penyelia yang tahu akan tanggungjawab yang begitu susah. Kalau di Jabatan-jabatan yang lain telah diberi timbangan oleh Kerajaan, tulunglah pehak Jabatan ini juga diberi timbangan, bagi segenap pangkat. Kalau kita kata yang bersalah, kerana saya dengar kerap kali Parti Pembangkang dia mencari yang salah tentang kelas dewasa dan sebagainya, kepada orang yang buat kebaikan, dia tidak beri. Mengikut pendapat saya yang bersalah kita hukum, tetapi yang berbuat kebaikan ataupun kerja lebih, patut kita beri timbangan. Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat No. 52 (3) yang berbunyi:

Apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang itu kali kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka suatu usul "Iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" akan dikeluarkan dan bolehlah diadakan perbincangan meliputi asas dan buruk baik Rang Undang-undang itu pada amnya dan seterusnya.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya faham Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini ialah bertujuan kerana hendak mengadakan satu peruntukan awal supaya kerja-kerja Kerajaan dalam masa tempuh sampainya masa untuk mengadakan satu anggaran perbelanjaan yang sepenuhnya dapat dijalankan dengan tidak ada gangguan.

Dewan ini berhak barangkali membicarakan anggaran permulaan ini bukanlah dengan cara detail tetapi dengan cara umumnya sahaja. Sungguhpun demikian, perkataan secara umum ini, pada fahaman saya tentulah sekali termasuk butir-butir mengenai satu-satu jabatan yang ada di dalam anggaran perbelanjaan ini, sebab kalau sekiranya kita hendak bahas secara umum dengan tidak

menyentuh apa yang ada dalam Bil ini, maka sudah tentu perkataan umum tidak ada langsung dan tidak boleh dibahaskan langsung.

Pada fahaman saya, maka Ahli-ahli Dewan ini berhak boleh menyentuh dan mengeluarkan satu-satu perkara yang berkaitan dalam Bil ini walaupun perkara itu mengenai satu-satu butir yang ada mengenai dengan Bil ini, pada fahaman saya dan saya barangkali tidak menjadi kesalahan kiranya saya menyentuh pada umumnya mengenai satu-satu jabatan yang diperuntukkan dalam Bil ini, adakah benar sebagaimana maksud saya itu ataupun lain . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli Yang Berhormat, adalah aturan perbahasan dalam Dewan ini berkenaan dengan Bil yang seumpama ini adalah dikuasai oleh Undang-undang dalam peraturan mesyuarat 52 (1), (2) dan (3) asalkan tidak terkeluar daripada Bil itu—boleh, iaitu boleh ditanya apa sebab hendak diadakan perbelanjaan ini dan kenapa tidak payah ditangguhkan sampai mesyuarat belanjawan dan sebagainya.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Barangkali tidak salah, kalau sekiranya saya mempersualkan, adakah satu-satu peruntukan di bawah satu-satu jabatan ini mengandungi perbelanjaan-perbelanjaan yang harus dibelanjakan sebelum sampai tarikh mesyuarat belanjawan kelak.

**Tuan Yang di Pertua:** Boleh.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian Timbalan Menteri Kewangan kita supaya memikirkan tentang kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pelajaran yang mana saya telah mendengar keterangan-keterangan dalam akbar yang menyatakan bahawa Kerajaan ataupun Kementerian Pelajaran akan mengambil alih kesemua sekolah-sekolah agama Kerajaan di seluruh Malaysia Barat ini supaya dibantu penuh oleh Kerajaan Pusat.

Saya rasa, perkara ini mustahak dan saya memberi sokongan penuh kepada ucapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran itu dan saya suka hendak bertanya kepada Kementerian ini, adakah peruntukan ini dimasukkan di dalam peruntukan Kementerian Pelajaran

di dalam anggaran perbelanjaan yang ada ini dan sekiranya tidak dimasukkan, adakah menjadi cadangan Kementerian Pelajaran itu untuk memasukkan dengan seberapa segera supaya sekolah-sekolah agama yang ada di dalam negara kita ini menjadi sekolah-sekolah yang dibantu penuh oleh Kerajaan.

Saya suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran dalam masaalah ini, kerana banyak daripada sekolah-sekolah agama mahu pun sekolah-sekolah agama Kerajaan, ataupun sekolah-sekolah agama rakyat yang sekarang berjalan mengikut caranya bersendirian dengan tidak mendapat bantuan penuh oleh Kerajaan Pusat, maka pada fikiran saya patutlah Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang berat dengan seberat-beratnya, kerana bagaimana yang kita sedia maklum sekolah-sekolah pada masa yang dahulunya tidak dibantu penuh sebagaimana sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Rakyat Melayu kesemuanya telah diambil alih dengan dibantu penuh oleh Kerajaan menjadi sekolah di bawah kawalan atau jagaan Kerajaan Pusat secara langsung.

Saya rasa, kalau sekiranya sekolah-sekolah agama rakyat ini ditinggalkan bukan sedikit murid-murid yang menuntut dalam pelajaran agama yang ada di dalam sekolah-sekolah ini dan mereka ini akan di pimpin, akan diasuh mengikut cara bersendirian dengan tidak dapat dikawal oleh Kerajaan. Lebih-lebih lagi kalau sekiranya Kerajaan mengepikan, menyingkirkan sekolah-sekolah ini, meninggalkan sekolah-sekolah ini dengan tidak diberi layanan yang sepenuhnya, maka perasaan pertentangan, perasaan tidak puas hati yang ada akan timbul di dalam sekolah-sekolah ini makin sehari makin besar, makin sehari makin merebak yang mana akan menjadi bahaya kepada kedudukan Kerajaan kita pada masa hadapan. Saya rasa, eloklah Kementerian Pelajaran memikirkan dengan sehalus-halusnya. Janganlah hendaknya Kerajaan Pusat, bagaimana kenyataan yang diberi dalam akbar itu untuk mengambil alih ataupun membantu penuh kepada sekolah-sekolah Kerajaan Negeri sahaja, sebab di negeri Keiantan tidak ada Kerajaan Negeri mengelolakan sekolah, selain daripada Pusat Pengajian Tinggi Islam, dan sekolah-sekolah yang lain adalah sekolah-sekolah private yang berjalan dengan sendiri atau dengan usahanya sendiri. Kalau sekolah-sekolah yang dibantu

penuh oleh Kerajaan ini hendak diambil atau dibantu kepada sekoiah yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri sahaja, maka banyaklah sekolah-sekolah private yang berjalan dengan muridnya beratus-beratus yang ada di Kelantan itu tidak akan mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat dengan sepenuhnya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Pusat Pengajian Tinggi Islam, Nilam Puri di Kelantan itu bukan dikelolakan oleh Kerajaan, dianya ialah body corporate.

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli Yang Berhormat tadi saya telah katakan perkara ini boleh disentuh sepintas lalu, tetapi saya suka mengingatkan iaitu Aturan dan Peraturan Mesyuarat 52 (1), (2) dan (3) "Tetapi disyaratkan apabila dibacakan kali yang kedua sesuatu Rang Undang-undang (yang dibawa ke dalam Dewan Rakyat menurut perenggan (a) dalam Artikul 102 dalam Perlembagaan) bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sebahagian daripada satu-satu tahun, perbahasan atas Rang Undang-undang ini tidak boleh termasuk perkara-perkara dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan itu." Secara sepintas lalu tidak apalah, tetapi kalau sudah terpesong daripada Undang-undang ini, saya harap Ahli Yang Berhormat tidaklah menyentuh secara detail dalam Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, kalau saya tidak silap di bawah Fasal 1 Akta ini boleh dinamakan Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun). Mengikut Standing Order 52 (3) yang mengatakan kalaulah perkara ini kena-mengena dengan Artikul 102 dalam Perlembagaan, maka kita hanya bercakap tentang mengapa kita kemukakan sekarang ataupun tidak, tetapi kita tidak sentuh langsung isi-isinya. Dengan yang demikian, saya rasa ini semata-mata untuk memaklumkan, kalau kita tidak buat nanti, barangkali menjadi taufankah kepada negara kita, Menteri kita sakitkah, Peguam Negara bercutikah, maka tidak dapat kita hendak membelanja pada tahun hadapan, saya rasa adalah semacam itu, jadi tidak ada perbahasan yang sepatutnya.

**Tuan Yang di Pertua:** Tidak ada perbahasan yang sebetulnya. Tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu hendak bercakap tadi, saya benarkan sekejap sahaja.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Adakah Tuan Yang di Pertua, maksudkan tidak akan dibenarkan perbahasan atas Rang Undang-undang ini?

**Tuan Yang di Pertua:** Tidak ada perbahasan.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Tidak ada perbahasan langsung!

**Tuan Yang di Pertua:** Ya.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Maafkan saya, Tuan Yang di Pertua, boleh dibahaskan Bil ini, tetapi dibahaskan tentang adakah mustahak Bil ini dibawa ke dalam Parlimen untuk diluluskan atau pun tidak, kerana mengikut Bil ini, Peraturan Mesyuarat 52 ini termasuk dalam Artikul 102. Tujuan Kerajaan sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan tadi ialah kerana kita mengadakan Mesyuarat Belanjawan Tahunan ialah pada penghujung tahun. Kadang-kadang termasuk dalam buian Januari tahun 1973. Kalaulah kita tidak dahulukan wang ini, maka tatkala itu tidak dapat dibayar segala perbelanjaan termasuk gaji-gaji dalam bulan Januari dan Februari sehingga kita meluluskan Annual Budget kita atau Budget Tahunan itu. Dengan sebab itu, inilah dikehendaki pendahuluan sahaja. Kemudian apakala budget itu dikeluarkan, nanti diulang lagi perbahasan yang semacam ini. Itulah sebabnya dielakkan. Apakala sampai masanya pada bulan Disember nanti, maka di situlah kedua-kedua Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini akan membahaskan dengan sebenar-benarnya perbelanjaan tahun 1973. Ini cuma pendahuluan untuk belanja tahun 1973. Dewan Rakyat pun tidak membahaskan perkara ini pada dasarnya.

Soal samada mustahak atau tidak, itu boleh dibahaskan. Mengapa dibawa Rang Undang-undang pada kali ini. Mengapa budget tidak dibuat sebelum akhir tahun? Itu boleh. Itulah saya menerangkan di sini.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di Pertua, boiehkah saya menyoal kenapa duit ini lewat dikeluarkan sehingga apabila datang musim tengkujuh baharu tender hendak dikeluarkan. Oleh kerana duit ini lewat keluar dan barangkali

Bil ini lewat dikeluarkan sehingga kerja-kerja pembenaan kita lewat berjalan. Adakah itu menjadi dasar yang boleh diperbincangkan dalam Dewan ini ataupun tidak boleh dibahaskan?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu telah diterangkan oleh Peguam Negara tadi setakat itu sahaja.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Terima kasih.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, untuk mengulang semula penjelasan iaitu Rang Undang-undang ini yakni sebagaimana yang diterangkan oleh Peguam Negara dan saya pada mula-mula tadi, kita bimbang iaitu selepas 31hb Disember tahun 1972 ini, kita belum sempat lagi meluluskan Budget kita, sebab itulah kita berkehendakan kuasa pendahuluan untuk membolehkan perbelanjaan bagi beberapa bulan tahun 1973 sebagaimana yang disebutkan di sini diteruskan sehingga Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan Budget bagi tahun 1973 dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agung. Itu sahaja.

Tentang perbahasan dan pandangan itu akan dibuat oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara apabila sampai Budget yang tetap kelak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Kumpulanwang Disatukan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

### (Usul)

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2), Majlis sekarang ini akan terus menimbang perkara 12 dan seterusnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Tan Sri Mohamed Noor Tahir:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2), Majlis sekarang ini akan terus menimbang perkara 12 dan seterusnya dalam Aturan Mesyuarat hari ini.

**Tuan Yang di Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.45 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk menghasilkan pengawasan dan kawalan yang lebih berkesan terhadap operasi bot-bot perikanan. Sejak Akta Perikanan 1963 dikuatkuasakan awal tahun 1963 perkembangan yang pesat sekali telah tercapai dikalangan perusahaan perikanan; terutamanya dari segi kegunaan bot-bot berjinjir dan alat penangkapan ikan yang lebih moden dan selain dari itu bilangan nelayan-nelayan telah bertambah dalam industri ini. Perkembangan ini dapat dilihat dengan jelasnya manakala diperbandingkan kedudukan bot-bot perikanan yang terdapat dalam tahun 1965 dengan yang terdapat sekarang. Dalam tahun 1965, jumlah bot-bot

ialah sebanyak 22,464 buah yang mana 12,282 buah (55%) adalah bot-bot berinjin dan 10,182 buah (45%) tidak berinjin. Sekarang ini jumlah bot-bot ikan telah berubah kepada 21,141 buah yang mana 16,320 buah atau 73% adalah bot-bot berinjin dan 4,821 buah atau 27% tidak berinjin. Angka-angka ini menggambarkan kemajuan yang pesat dalam aspek "mechanisation" bot-bot perikanan. Selain dengan kemajuan "machanisation" ini, alat-alat penangkapan ikan juga telah menepuh perubahan kearah modernen (modernisation) yakni alat-alat penangkapan ikan secara moden telah bertambah dan yang secara tradisional telah berkurangan.

Dengan tercapai kemajuan ini maka usaha penangkapan ikan dijalankan secara meluas. Perkembangan ini adalah memerlukan kawalan dan pengawasan yang rapi oleh Bahagian Perikanan Kementerian ini. Bagi maksud itu, Yunit Penguatkuasa Bahagian Perikanan telah diperbesar dengan menambah bilangan kapal ronda dan sebagainya. Namun demikian, persediaan dari segi fizikal ini tidaklah mencukupi untuk menghasilkan pengawasan dan kawalan yang rapi melainkan perlulah disamping itu perbekalan undang-undang yang lebih kemas juga diadakan.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini adalah mengemaskan Akta Perikanan, 1963 sesuai dengan perkembangan Perusahaan Perikanan yang saya telah huraiakan tadi dan dengan demikian usaha-usaha mengurangkan kejadian pelanggaran undang-undang yang menyebabkan pertikaian di antara nelayan di laut dapat dijalankan dengan berkesan.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memudahkan pemeriksaan lesen-lesen.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini berbangkit daripada pindaan dalam Fasal 4.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyatakan kuasa-kuasa bagi membolehkan seseorang Pegawai Perikanan atau Pegawai Polis mengambil apa-apa barang yang menasabah disyaki sebagai hal perkara sesuatu kesalahan atau telah digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta; dan kehendak dan cara bagaimana notis akan diberi mengenai barang-barang yang hendak diambil itu. Fasal ini

juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Mahkamah membuat sesuatu perintah rampasan mengenai apa-apa barang yang diambil di bawah Akta jika telah dibuktikan bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta telah dilakukan dan bahawa barang itu adalah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu. Juga ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan dibuat rujukan kepada Mahkamah dengan sesuatu tuntutan yang dibuat mengenai apa-apa barang yang diambil di bawah Akta jika tiada apa-apa pendakwaan berkenaan dengannya dan juga kuasa bagi Menteri memerintah barang tersebut (samada dirampas atau diambil dan disifatkan sebagai dirampas) diserahkan kepada pemunyanya atau orang yang berhak terhadapnya atas apa-apa syarat yang difikirkan patut.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya ingin memberi pendapat-pendapat saya mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya sangat-sangat dukacita kerana selalu membaca dalam suratkhbar iaitu nelayan-nelayan kita yang menangkap ikan ke laut selalu sahaja mendapat kemalangan dan ancaman-ancaman dari saudara-saudara kita seperti Indonesia dan Thailand, walau pun kita sudah mengadakan persahabatan dengan saudara-saudara kita kedua negara itu. Tetapi kalau nelayan-nelayan kita termasuk dengan tak sengaja ke perairan saudara-saudara kita Indonesia dan Thailand, haraplah jangan ditangkap, dirampas pukut-pukat mereka, barang-barang dan bot-bot nelayan kita. Apakah maknanya persahabatan kita dengan saudara-saudara kita itu?

Saudara-saudara kita itu sepatutnya bertolakansur dan menasihatkan nelayan-nelayan kita, jika tersilap, atau tersalah masuk ke perairan mereka itu. Kalau saudara-saudara kita Indonesia dan Thailand membuat dengan cara itu dengan memberi nasihat kepada nelayan-nelayan kita, maka nelayan-nelayan kita akan berasa gembira dan suka keluar menangkap ikan.

Pada masa ini, saya mendapat tahu, nelayan-nelayan kita takut hendak keluar ke laut untuk menangkap ikan dengan sebab itulah harga ikan pada masa ini melambung-lambung tingginya. Saya berharap kepada Kerajaan akan berunding lagi dengan saudara-saudara kita Indonesia dan Thailand berkenaan dengan hal nelayan-nelayan kita menangkap ikan di laut.

Sekianlah pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, dan saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong ucapan Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob yang mengemukakan perkara yang berkaitan dengan perusahaan nelayan kita ini.

Saya suka hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan, mengapakah Bill Perikanan ini mesti dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan? Ke mana perginya Menteri Pertanian kita? Dan kiranya Menteri Pertanian tidak dapat hadir, adakah beliau berkehendakkan kepada seorang Timbalan Menteri Perikanan? Kalau beliau berkehendakkan kepada Timbalan Menteri Perikanan, saya cadangkan supaya kita kemukakan kepada Kerajaan supaya ada Timbalan Menteri yang boleh membawa Bil, dan pada masa-masa hadapan biarlah Rang Undang-undang itu dibawa oleh Menteri atau pun Timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapatlah Ahli-ahli Dewan Negara berbahas, berbincang dan mendapat jawapan-jawapan yang secara langsung daripada Menteri atau pun Timbalan Menteri daripada Dewan ini.

Soalan atau pun perkara yang dikemukakan oleh Ahli-ahli yang seumpama ini seharusnya jawapan itu datang daripada Menteri atau pun Timbalan Menteri yang tahu benar-benar akan kerja-kerja Menteri dalam masalah satu-satu Kementerian. Baharuiah kita Ahli Dewan ini merasa puas hati jawapan-jawapan itu dan berbincang secara ikhlas dalam masalah negara kita ini.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Yang Berhormat saudara saya Datuk Nik Hassan.

Sebenarnya betul dan sepatutnya tiap-tiap perkara ini hendaklah dibawa oleh Menteri Pertanian sendiri atau Timbalannya. Jika

mereka sendiri ada, baharulah setengah-setengah kita boleh bersoal jawab di atas segala aspek. Saya hendak bertanya aspek yang saya tahu, saya takut Timbalan Menteri Kewangan tidak boieh jawab, jadi malu dia, saya pun tidak berani bertanya. Kalau Menteri Pertanian ada, saya beranilah, jadi dia tahu sama. Saya bersetuju patut kita bawa kepada Kerajaan pada masa hadapan. Hari ini tidak apa. Masa hadapan apa-apa Rang Undang-undang yang berkenaan dengan Kementerian itu patutlah Menteri itu sendiri atau Timbalannya bersama-sama dengan kita supaya dapat menjawab soalan kita.

Tuan Yang di Pertua, di dalam Akta ini dikatakan kalau benar-benar dirampas baik pun ikan atau alat-alat menangkap ikan, itu sudah jadi forfeiture, dan juga diberi kuasa kepada Menteri, Menteri boleh beri balik kepada tuan perahu itu, orang yang buat salah itu, dia boleh beri balik atau tidak. Jadi sebenarnya umum. Rampasan itu hendak pergi ke mana? Jadi Kerajaan hendak ambillah atau beri balik kepada orang itukah atau tidak. Bagi diri saya, kalau boieh, saya suka syor, kalau boleh rampasan itu, saya minta semua rampasan yang rampas itu baik pun ikan, perkakas tangkap ikan, bila dijual, tolak kepada revenue Kerajaan. Jadi senang kiranya.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan sebelum daripada saya bercakap sedikit, saya sukacita hendak mengambil peluang menyatakan tahniah kepada sahabat saya Datuk Nik Hassan yang telah pun menyuarakan satu perkara yang sangat penting bagi Dewan kita ini dan bagi Parlimen kita berkenaan dengan tugas membawa Rang Undang-undang ini iaitu Menteri yang bertanggungjawab atau kalau tidak ada patutlah diadakan Timbalan Menteri bagi Kementerian yang berkenaan kerana sangat banyak kerjanya.

Tuan Yang di Pertua, mengenai dengan perikanan ini nyatalah satu masalah yang sangat menarik perhatian, kerana dia itu merupakan benda makanan kepada rakyat kita yang mengandungi protin yang sangat berguna dan dialah juga merupakan masalah tentangan rakyat dengan rakyat, kadang-kadang boleh dijumlahkan mereka sebagai perjuangan di antara haves and have-nots. Pertentangan yang begitu hebat berlaku

membawa kepada permusuhan, dendam, bunuh-bunuhan, tembak-menembak, bakar-membakar perahu, motobot dan sebagainya berlaku di tengah-tengah laut. Hal ini semuanya telah berlaku dan selalu kita mengikuti berita dari surat-khabar-surat-khabar berkenaan dengannya menimbulkan tandatanya kepada kita bagaimana Kerajaan menjalankan polisinya, bagaimanakah Kementerian yang berkenaan ini menjalankan polisinya yang menggalakkan usaha-usaha pukat tunda di samping hendak mempertahankan nasib nelayan-nelayan pantai, kerana kedua-dua merupakan pertentangan yang tidak habis-habis. Bukan pertentangan yang kecil-kecil, tetapi pertentangan yang sungguh-sungguh sehingga sampai kepada berpunuh.

Tuan Yang di Pertua, pada pendapat saya, sekiranya Kerajaan benar-benar hendak menggalakkan perusahaan menangkap ikan secara besar-besaran rancangan dari segi pukat tunda yang lebih besar menggunakan vessels, kapal-kapal kecil yang pergi sampai ke tempat-tempat jauh. Kita harus menyelesaikan masalah hal penangkapan ikan kecil-kecil atau cara penangkapan ikan cara pantai yang menyebabkan timbul pertentangan antara pukat tunda dan mereka yakni menutup cara itu menunjukkan cara lain kepada mereka mengarahkan atau menggerakkan mereka kepada cara yang lain supaya tidak ada suatu merupakan yang pertentangan terhadap usaha yang digalakkan oleh Kerajaan. Menyuruh mereka berhenti dengan tidak menggalakkan atau membawa kepada tempat yang lain ertinya memutuskan rezeki mereka dan hendaklah Kerajaan berusaha untuk mengadakan pekerjaan pada mereka baharu bererti boleh ditutup perusahaan mereka yang merupakan pertentangan.

Kedudukan kekurangan ikan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob tadi bukan dengan kerana adanya tangkapan-tangkapan yang dilakukan oleh pihak negeri lain, negeri-negeri sahabat di sekitar negeri kita yang bersempadan dengan kita, tetapi ada hubungan dengan pergaduhan antara kita sama kita, nelayan sama nelayan. Yang sebenarnya bukan taukeh dengan taukeh; nelayan dengan nelayan. Jadi, Tuan Yang di Pertua, pada pendapat saya, Kerajaan harus mengambil langkah yang betul-betui berani, yang betul revolutionary bagi menye-

lesaikan masalah ini yakni mengadakan peluang-peluang ganti kepada manusia-manusia yang bekerja seperti nelayan-nelayan kecil yang terlibat di dalam pergaduhan ataupun permusuhan oleh kerana merasa hak-hak mereka terancam atau kepentingan-kepentingan mencari makan mereka itu dimusnahkan oleh adanya pukat tunda. Usaha inilah yang mesti dibuat oleh Kerajaan, dengan jalan itu mordenisasi yang kita kehendaki dalam perusahaan menangkap ikan akan wujud dengan sendirinya. Apatah lagi kalau Kerajaan dapat menggalakkan perusahaan menangkap ikan cara besar-besaran sampai ke laut lepas.

Mengenai dengan adanya tangkapan-tangkapan yang berlaku oleh polis atau marine dari pihak negeri Thai atau pun dari pihak Indonesia, hal ini satu perkara yang boleh berlaku dengan sengaja atau tidak sengaja dengan sebab-sebab yang berbeza. Saya percaya pihak Kerajaan tentulah tidak begitu, tetapi keadaan yang berlaku itu ialah dari segi pentadbiran antara negeri dengan negeri. Pihak kita sendiri juga terpaksa bertindak menangkap, kalau ada pencerubuhan nelayan-nelayan daripada negeri Thai, terutamanya pukat tunda juga kalau mereka masuk kawasan Kedah Utara ataupun kawasan Kelantan dan juga merusakkan pukat-pukat kecil dan mereka juga merampas peluang-peluang yang boleh didapati oleh nelayan-nelayan negeri kita, maka polis kita ataupun marine terpaksa mengambil tindakan dan hal ini telah berlaku penangkapan terhadap nelayan-nelayan mereka.

Jalan keluar pada masalah ini, Tuan Yang di Pertua, sebagai anggota-anggota dari negara ASEAN harus dibanyakan lagi usaha-usaha bagi mendekatkan hubungan antara negara ASEAN itu termasuk di dalam soal perikanan. Dan hal ini supaya jangan timbul bertalu-talu sehingga di Parlimen terpaksa kita bicarakan soal tangkap ikan dan menyentuh negara lain, negara sahabat sebagai negara anggota ASEAN dan mungkin di negara mereka itu juga akan menyentuh kerana berlakunya tangkapan nelayan-nelayan mereka oleh polis atau oleh marine kita, maka harus diusahakan langkah-langkah yang boleh menyatukan cara penangkapan ikan-ikan dengan cara yang besar-besaran antara negara ASEAN supaya laut yang merupakan laut di sekitar ini merupakan

kepunyaan bersama yang diusahakan bersama dengan projek yang besar-besaran, maka dihadkanlah batasnya iaitu nelayan-nelayan kecil menangkap ikan merupakan beberapa batu dari pantai. Yang selepasnya itu merupakan usaha-usaha bersama yang dijalankan bersama dan dengan jalan itu akan hiang persoalan-persoalan yang sekarang kita hadapi pencerubuhan masuk ke kawasan kerana mengejar ikan.

Dalam soal mengenai hal ikan ini, kita mengetahui bahawa banyak nelayan-nelayan daripada negeri-negeri yang beribu batu juga keluar daripada pantainya belayar lebih jauh dari pantainya beribu-ribu batu untuk mencari ikan di lautan Pacific sampai dekat Australia dan di lain-lain tempat lagi dengan kerana itu tidak hairan berlaku pencerubuhan dari masa ke semasa. Maka jalan bagi mengelakkannya ialah dengan jalan mengadakan percantuman, mengadakan kerjasama atau mengadakan syndicate antara pengusaha-pengusaha ikan di negara-negara ASEAN supaya dapat diusahakan bersama dengan langkah yang lebih luas merupakan satu cara yang benar-benar berkesan.

Tuan Yang di Pertua, tadi saya sebutkan mungkin seperti kita di sini menyuarakan fikiran kita dalam Parlimen tentang sikap negara-negara anggota ASEAN sedangkan yang melakukan itu bukan negara, sebaliknya ialah pegawai-pegawai pentadbir dan mungkin juga Parlimen negara-negara lain anggota ASEAN pernah atau akan menimbulkan persoalan seperti ini kerana Malaysia bertindak, menekan atau menindas nelayan-nelayan mereka, rakyat mereka, hal ini tidak begitu baik.

Dalam hal ini, Tuan Yang di Pertua, kita boleh melebarkan usaha-usaha ASEAN ini ke arah mendekatkan hubungan antara anggota dengan anggota Parlimen bukan sahaja pegawai, dengan diadakan inter-Parliamentary ASEAN, ertinya hubungan antara anggota-anggota Parlimen di dalam negara ASEAN ini, merupakan anggota yang hubung-menghubungi antara satu sama lain, ada perbincangan, ada kerjasama antara satu sama lain, mengenal dan dapat mendebatkan perkara-perkara yang membena dalam Parlimen masing-masing supaya dapat tercapai matlamat yang sama bagi kepentingan negara ASEAN. Saya kira dengan cara ini akan membawa hasil yang sangat besar, di samping hubungan pegawai-pegawai

yang berkaitan akan menolong antara satu sama lain bagi mewujudkan understanding ataupun persefahaman dalam berbagai-bagai bidang bagi ketenteraman dan kepentingan wilayah ataupun rantau dunia sebelah sini. Sekian, Tuan Yang di Pertua.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi berhubung dengan perkara perikanan yang dibentangkan di hadapan kita sekarang.

Kita sama-sama mengetahui perusahaan nelayan adalah satu perusahaan tradisi yang telah turun-temurun diwarisi oleh orang-orang kita terutama sekali rakyat-rakyat yang berkediaman di tepi-tepi pantai. Walaupun mereka ini sedar ataupun mengetahui hasil yang mereka dapati daripada perusahaan ini tidak mencukupi untuk menyarai hidup keluarga mereka, tetapi oleh kerana mereka ini tidak mengetahui ataupun tidak nampak bagi mereka ini punca-punca perusahaan yang lain yang mereka hendak usahakan disebabkan beberapa perkara yang tertentu samada kerana tidak kebiasaan ataupun sebagainya, tetapi perusahaan ini mereka teruskan jua.

Dalam masa-masa yang akhir ini pehak Kerajaan telahpun berusaha dengan bersungguh-sungguh berikhtiar dengan bermacam-macam atau berbagai-bagai cara untuk hendak menolong meninggikan taraf penghidupan mereka itu, dengan cara memberi bantuan-bantuan samada pinjaman-pinjaman membeli pukut, membeli bot-bot ataupun sebagainya, tetapi sampai sekarang hasilnya tidaklah begitu berkesan ataupun tegasnya saya katakan belum lagi kita mendapat kejayaan bagaimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan, dan pehak Kerajaan sedang berusaha lagi untuk berikhtiar ke arah ini.

Nelayan-nelayan kita ini, Tuan Yang di Pertua, terutama sekali yang berkediaman di Pantai Timur adalah sangat daif penghidupan mereka. Pendapatan mereka kadang-kadang seminggu tidak dapat pun \$10. Ini kebanyakannya dan ini adalah berbeza dengan keadaan saudara-saudara mereka di sebelah Pantai Barat terutama sekali di Pulau Pangkor ataupun di lain-lain tempat yang saya dengar-dengar pendapatannya adalah sedikit baik, tetapi di Pantai Timur adalah

menyedihkan sekali. Jadi dengan keadaan pendapatan mereka yang sedemikian dan tambahan pula diganggu oleh pengusaha-pengusaha ikan yang datang dari negara-negara lain terutama sekali dari negara Thai dengan bot-bot mereka yang besar datang merapat ke tepi-tepi pantai di pulau-pulau di negeri-negeri di Pantai Timur sana kemudian dengan menggunakan bom untuk mengutip ikan-ikan tadi bukannya cara jaring atau pukat; tetapi digunakan bom, ini betul-betul berlaku, Tuan Yang di Pertua, jadi menambahkan lagi kekurangan pendapatan pada mereka itu.

Perkara ini telah berlaku semenjak dua tiga tahun yang lepas sampai sekarang dan pehak Kerajaan Negeri atau orang-orang yang berkenaan biasa mengambil berat di atas nasib penghidupan kaum-kaum nelayan ini telah berusaha, berhubung dengan pehak berkenaan di pusat ini iaitu dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan dan sebagainya, tetapi bila sahaja dihubungi, maka diambillah tindakan, tetapi tidak diteruskan selanjutnya. Jadi dengan sebab itu, perkara-perkara yang seumpama ini berulang lagi kejadian-kejadian itu berlaku setiap tahun.

Saya mengucapkan tahniah dan saya menyokong penuh undang-undang ini, dan saya percaya segenap rakyat kaum nelayan di Pantai Timur akan menyambut dengan dua tangan yang terbuka. Tetapi saya harap dengan adanya Undang-undang ini janganlah hanya ada Undang-undang sahaja, tetapi tidak dilengkapi dengan alat-alat yang boleh bertindak menurut Undang-undang iaitu kalau kita ada Undang-undang sahaja, kita tidak mengadakan kapal-kapal perundangan yang tetap, maka kedatangan bot-bot haram dengan secara mencuri-curi akan berlaku. Jadi apa yang saya harap setelah Undang-undang ini diluluskan, maka pehak yang berkenaan hendaklah mengadakan bot perundannya sentiasa merunda di kawasan-kawasan terutama sekali di Pantai Timur yang saya katakan tadi 24 jam tidak terhenti-henti dengan cara bergilir-gilir. Dengan jalan ini sahaja, saya rasa, Tuan Yang di Pertua, akan dapat kalau tidak kita dapat hapuskan sama sekali pun mengurangkan gangguan-gangguan daripada bot-bot nelayan daripada negara-negara asing.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di Pertua, kita sama-sama tahu boleh dikatakan seluruh negeri dalam Malaysia kita ada kuala-kualanya termasuklah Kuala Perlis. Jadi walaupun saya bukan penduduk daripada Kuala Perlis, tetapi kerap kalilah kuala ini menjadi tempat bersiar ataupun tempat berkelah, tempat makan angin bagi setiap manusia, kerana kita tahu di tepi-tepi pantai ataupun di tepi kuala ini anginnya baik, maka dengan sebab itulah kerap kali kita dapat, walaupun orang kuala ini tidak begitu mendapat wang yang banyak setengah daripada setengahnya, tetapi badannya sehat, sebab anginnya terlampau baik. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, kita tidak menapikan bahawa banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang di tepi pantai ataupun sebagaimana yang mana kita tahu di Kuala Perlis setakat yang saya tahu nelayannya tidak kurang daripada 2,500 orang, yang dapat bekerja cuma 1,500 orang. Ini bererti 1,000 lagi tidak bekerja. Sedangkan tanggungan nelayan-nelayan amatlah banyak; ada yang lima orang, ada yang enam orang dan sebagainya.

Tuan Yang di Pertua, dengan undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan ini kita berharap akan membaiki lagi taraf kedudukan nelayan kita. Banyak perkara-perkara yang menghalang kemajuan nelayan-nelayan walaupun ada perkara-perkara yang akan dibuat atau ditolong oleh Kerajaan.

Satu, sapertimana kata Datuk Mansor tadi, manusia tadi ada yang baik dan ada yang jahat. Sebab itu, saya teringat—minta maaf, Tuan Yang di Pertua, saya ceritakan sedikit. Seorang sami, saya pergi ke sebelah Siam dan berjumpa seorang sami dan menaiki keretapi sekali dengan sami itu. Dahulu daripada itu, saya menaiki beca. Saya dapat tukang beca itu cukup baik. Saya bertanya kepadanya: Tukang beca ini mengapa dia sangat baik? Saya dengar berita angin mengatakan orang Siam ini tidak baik, mencuri itu dan ini dan kita pun tidak mahu menyentuh soal negara yang berjiran dengan kita sapertimana kata Datuk Mansor tadi. Mengikut kata sami tadi, semua manusia ini baik, tambah-tambah lagi yang beragama tetapi yang tidak baik itu bukannya Melayu, bukan orang Siam—yang

ketahuan bangsa. Jadi, yang tidak ketahuan bangsa, yang tidak ketahuan ugama, yang berpegang kepada ugama betul-betul, ikut bangsa betul-betul, ikut peraturan betul-betul, dia tetap baik walau apa bangsa sekalipun.

Kalaulah saya kata bangsa Thai, bukan saya kata yang baik, yang saya kata tidak baik tadi. Di mana sahaja kita hendak membuat kebaikan, salah satunya ialah penjahat. Kalaulah kita kata di laut—lanun, Kerajaan menyediakan berbagai-bagai kelengkapan untuk menangkap lanun dan kata Datuk Mansor tadi patutlah diadakan 24 jam, tetapi kita tahu di zaman kemajuan hari ini, pencuri ataupun lanun mereka menggunakan kelengkapan moden. Kalau kita hendak menggunakan kelengkapan yang 40 tahun yang lepas, kita tidak boleh menghambat lanun. Kadang-kadang yang sedihnya lanun boleh lari 60, kita tinggal ke belakang dengan 40 meter sahaja.

Jadi, saya berharaplah pehak Kerajaan kalau hendak menangkap pehak penjahat biarlah dengan alatan yang lebih moden lagi. Jangan lanun boleh lari 90, kita lari 50 ke belakang. Sampai 14 hari tak boleh dapat ditangkap. Bukan main azab.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, kita hendak menolong nelayan dengan berbagai-bagai bot, rumah-rumah, itu dan ini. Saya kadang-kadang ini apa yang saya cakapkan ialah yang sebenarnya pergi ke Kuala Perlis. Di dalam Negeri Perlis ini kita tahu ada pulau Perlis dan di situlah tempat makan laksa dan sebagainya. Rumah nelayan itu, yang saya dapati duduk di rumah nelayan itu bukan nelayan—orang lain. Diharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolonglah tengokkan. Saya bukan menyuruh beliau pergi menyiasat, tetapi kita tahulah yang duduk di situ bukan penangkap ikan. Biarlah bersesuaian, kalau hendak membuat apa yang tidak kena, sama-sama pehak Menteri tolong siasat di atas apa perkara yang tidak betul.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, untuk menambahkan, agak saya kerana ikan, kita tahu mengikut cakap ahli perniagaan; Tuan Yang di Pertua tentu lebih tahu, ahli perniagaan dan ahli ekonomi berniaga ikan, dengan sebab itu dibeli dengan harga 50 sen dan dijual dengan harga 80 sen, untung 30 sen kerana benda ini dilambatkan. Kalau tidak dijual cepat, dia jahaman, lain fasalnya,

untung sedikit pun tidak apa, tahan lama. Itulah sebabnya saya bertanya orang yang menjual sayur dan yang menjual ikan kenapa mengambil untung banyak. Kalau tidak mengambil untung banyak, benda itu jahanam, tidak boleh digunakan lagi. Oleh sebab itu, patutlah Kementerian yang berkenaan menghantar pakar-pakar supaya jikalau ikan terlampau banyak, ikan itu boleh dibuat sadin, dibuat baja dan dibuat apa-apa benda yang berguna supaya jangan benda itu menjadi membazir.

Juga, Tuan Yang di Pertua, saya suka mencadangkan, setakat yang saya dapat tahu, saya bukan nelayan, kalau saya kata buat ini saya bercakap bohong, tetapi sebagai manusia dan mempunyai akal, sekarang ini kita boleh mendengar percakapan tentang lesen-lesen. Lesen-lesen setakat yang saya dapat tahu daripada setengah nelayan mengatakan yang Kerajaan hendak membenarkan pukut tunda yang besar-besar, hendak membeli lebih daripada \$25,000. Nelayan ini kebanyakannya orang Melayu ataupun bumiputra yang susah. Kalau hendak nanti boleh beli \$25,000 baharu boleh, kalau sedikit tidak boleh, nelayan yang susah tidak boleh beli hingga bila-bila pun. Jadi, Kerajaan nampaknya menolong orang yang senang sahaja. Mengikut pendapat saya dan kata setengah daripada kaum nelayan-nelayan kalau sekadar \$4,000 atau pun \$8,000 bolehlah nelayan-nelayan ini membeli dengan sendirinya. Inilah saya harap pehak Kementerian yang berkenaan keluar menyiasat di atas perkara kedudukan nelayan tersebut.

Dan juga, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan, Tuan Yang di Pertua, kerana di Kuala Perlis ini juga suatu tempat yang boleh dikatakan ramai di Kuala Perlis. Kalau di Langkawi ada dibuat oleh Kerajaan bungalow dan hotel-hotel yang besar-besar, maka di Kuala Perlis, saya fikir patutlah dibuat hotel-hotel dan sebagainya, kerana di Kuala Perlis, walaupun tempat negeri yang kecil, ada juga pelancung-pelancung yang singgah di situ, waima daripada Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan sebagainya, terutama sekali pada hari Ahad (hari minggu). Saya dapati, kalaulah orang daripada Kedah, daripada Pulau Pinang ataupun daripada Perak yang melancung ke Perlis kerana di Perlis tempat melancung banyak—ke Padang Besar membeli mangkuk dan sebagainya dan di Kuala Perlis tak lepas kerana hendak menengok

keadaan di Kuala Perlis, terutama sekali hendak makan laksa. Pendek kata, kalaulah boleh Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan mengadakan bungalow sebagaimana yang saya katakan tadi, bolehlah kalau pelancung hendak tidur ataupun hendak berehat di situ, tetapi setakat ini tidak ada satu tempat pelancungan yang kecil.

Yang kedua, patutlah seperti Pulau Ketam dan sebagainya, Kerajaan menolong mengambil bahagian untuk membesar atau membersihkan sedikit. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Seksyen 15 (1) berbunyi:

“15. (1) An order for the forfeiture or for the release of anything liable to forfeiture under this Act shall be made by the Court before which the prosecution with regard thereto has been held and an order for the forfeiture of such thing shall be made if it is proved to the satisfaction of the Court . . . .”

Seksyen ini memberi mahkamah kuasa untuk melepaskan barang-barang yang dirampas, jika ianya dibuktikan tidak memuaskan pihak mahkamah. Diharap pihak Timbalan Menteri dapat memberi keterangan samada barang-barang ini kalau dilepaskan oleh mahkamah, adakah tidak Kerajaan memberi bayaran kepada seseorang itu jikalau kesalahan itu tidak bersabit.

Dan juga Seksyen 16 (1) antara lain menyatakan:

“16. (1) If there be no prosecution with regard to anything seized under this Act, such thing shall be taken and deemed to be forfeited at the expiration of one calendar month of the date of seizure unless a claim thereto is made before that date in the manner hereinafter set forth.”

Dalam hal ini, saya pun hendak bertanya kepada Timbalan Menteri agar beliau dapat menerangkan, iaitu jika kita membaca Seksyen 16 ini, saya nampak negara kita ini seolah-olah mengikut Undang-undang Perancis. Saya ingat lagi baik, kalau segala barang-barang yang dirampas itu dibawa ke Pelabuhan. Kalau seseorang yang miskin, yang tidak tahu undang-undang ini dan dalam satu bulan tidak menuntutnya, adakah tidak dalam undang-undang ini, iaitu saving

clause yang membolehkan barang-barang itu dikembalikan balik kepada mereka yang berkenaan.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya cuma hendak menyambung sedikit apa yang telah disampaikan oleh sahabat saya Tuan Wong sebentar tadi. Ini berkenaan dengan Fasal 4 Rang Undang-undang ini iaitu seksyen 16. Di sini nampaknya kuasa yang diberi kepada Pegawai Perikanan samada hendak mendakwa atau tidak mendakwa. Dan di sini juga ada mengatakan dalam tempoh sebulan, maka barang-barang yang diambil tadi dianggapkan sebagai dirampas.

Saya rasa barangkali ini satu perkara agak patut kita timbang dengan halus-halus kerana jikalau seorang itu sudah ditangkap barang-barangnya diambil dan dalam masa sebulan itu terpulanglah kepada kebijaksanaan Pegawai Perikanan samada hendak mendakwa dia atau tidak. Kebiasaannya nelayan-nelayan ini ialah orang-orang yang bukan berpelajaran sangat. Kalau dalam masa itu, cuma sebulan sahaja, dan dia tidak diberitahu hak-hak dia, mungkin hartanya dirampas. Saya sedar, Tuan Yang di Pertua, di bawah seksyen-kecil 16 (2) ini ada diterangkan bahawa seorang itu boleh, kalau dia hendak menuntut barang-barang tadi memberitahu secara surat kepada Pegawai Perikanan, atau kepada Pegawai Polis yang tidak kurang daripada pangkat Inspektor yang dia hendak membuat tuntutan ini, dan kalau tuntutan itu dimajukan, perkara itu baharulah dibawa ke mahkamah dan mahkamah akan menentukan samada barang-barang itu patut dirampas atau dipulangkan balik.

Di bawah perenggan 5 ini diberi pula kuasa kepada Menteri, maknanya sebulan selepas perintah mahkamah, atau sebulan selepas matinya tarikh yang dia berhak membuat tuntutan tadi. Saya rasa, ini juga barangkali tidak mencukupi. Saya rasa sebulan itu selalunya dari segi praktikal terlampau suntuk. Tuan Yang di Pertua, memandangkan kepada orang-orang ini sebagai nelayan, bukannya orang biasa, orang berniaga, tidak—orang nelayan, jadi kalau kita pandang dari segi mereka, adakah mereka itu lebih tahu dari segi selok-belok, maka lainlah kalau orang di bandar, saya

rasa, ini saya harapkan masa yang diberi selama sebulan ini dapat dipanjangkan sedikit, atau kalau boleh umpamanya masa yang diperkatakan proviso di hujung sekali itu dalam seksyen 16 (5) yang menyatakan:

“Provided that any such application shall be made before the expiration of one calendar month from the date of forfeiture of such thing or from the date on which such thing shall be taken and deemed to be forfeited as the case may be.”

Mungkin di sini kita lanjutkan sedikit, kalau kita kenangkan nelayan-nelayan tadi, maknanya kita mungkin boleh tambah one calendar month or such extended date umpamanya, kalau kita tidak hendak beri lebih lagi daripada satu bulan. Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di Pertua.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di Pertua, hari-hari saya lihat di negara kita ini ada satu cogan kata yang ditulis secara besar-besaran di surat-khabar dengan satu cogan: “Masyarakat Adil”. Dengan cogan-kata “Masyarakat Adil” saya hendak bertanya, adakah keadilan itu? Jikalau ikan-ikan di dalam kapal-kapal nelayan itu dirampas, apakah akan jadi kepada ikan-ikan itu, tanggungjawab siapa kalau ikan-ikan itu busuk. Adakah Kerajaan hendak menolong orang-orang yang miskin ini—nelayan-nelayan ini dan membayar di atas kerugian-kerugian mereka itu.

Seksyen 15 (2) ada disebutkan di sini, semua perkara dirampas (all things forfeited) diberikan kepada Police Officer and shall be disposed of in accordance with the directions of the Director of Fisheries. Barang-barang itu kena tolak keluar, kerana mereka menjalankan tugasnya atas arahan daripada Director. Perkara semacam itu adakah dikatakan keadilan, jika kita hilangkan barang-barang mereka itu? Di dalam seksyen 16 ada disebutkan dalam masa sebulan, jika tidak, akan dibawa ke mahkamah. Saya hendak bertanya apa akan jadi kepada perkakas-perkakas (bot) itu dan juga ikan-ikan itu? Sepatutnya diadakan satu clause yang boleh meluluskan perkara yang semacam ini. Janganlah diberi kesusahan kepada nelayan itu, kerana mereka itulah orang yang miskin sekali dalam negara kita. Maka dengan sebab itulah, jika kita tidak menjalankan tugas seumpama itu, maka patutlah kita tarik balik cogan kata itu yang

disiarkan dalam akhbar-akhbar yang mengaitakan masyarakat kita Masyarakat Adil.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya hendak menolong menjawab satu dua perkara yang telah ditimbulkan dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Sebetulnya Rang Undang-undang ini cuma meminda Undang-undang yang ada yang berjalan lebih kurang begini selama ini, tetapi Rang Undang-undang ini cuma memperbaiki keadaan-keadaan yang ada.

Yang pertamanya, suka saya menerangkan di sini iaitu berkenaan dengan rampasan atau penangkapan barang-barang itu telah dinyatakan dalam seksyen 14 bila masanya pihak-pihak yang berkuasa itu samada Pegawai Perikanan atau Police Officer boleh menahan atau menangkap (seized) barang-barang yang digunakan dengan melanggar Undang-undang. Kalau tidak ada sebab-sebab yang tertentu, perkara ini tidaklah dijalankan sebagaimana yang dituduh zalim dan lain-lain. Yang pertamanya, kita mesti ingat bukanlah semua orang yang menangkap ikan itu miskin, beberapa banyak taukeh yang menangkap ikan itu, taukeh-taukeh ikan yang ada Mercedes benz 300, 280S dan lain-lain. Yang miskin itu kebanyakan kuli-kuli yang menangkap ikan bagi pihak taukeh-taukeh ini dan perkara itu telah berlaku banyak kali. Bukanlah Undang-undang ini gunanya hendak menganiaya nelayan-nelayan yang miskin yang menyundur udang, ataupun yang merauk, atau merawai di tepi-tepi pengkalan kita itu. Sekarang ialah zaman sains dan teknologi. Penangkap-penangkap ikan sekarang cukup dengan perkakas-perkakas moden. Sekarang ada trawler dan lain-lain yang melanggar Undang-undang pun mengikut sebagaimana disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di sini dengan bot-bot yang pantas yang laju, itu bukan senang bagi pihak pengawalan samada Marine Police ataupun perikanan hendak mengawal mereka itu. Walau dikawal sekalipun, mereka bergaduh juga, berperang, berbunuh sebagaimana kita dengar di pantai Perak sana. Itu dikawal hingga jadi begitu. Kalau tidak kawal Undang-undang semacam ini, apatah lagi jadinya pada masa sekarang. Undang-undang ini telah berjalan lama semenjak penjajahan macam ini juga Undang-undang yang kita hendak baiki cara-caranya.

Cara-cara ini yang berlaku adalah begini. Kalau adalah tangkapan misalnya, bila kita merunda, kemudian satu motobot menjalankan pukat dengan tidak ada berlesen atau menyalahi perundangan kawasan, tiba-tiba motobot pergi kejar, lari ketepi, orangnya lari semua, tinggallah motobot dan perkakas ikan di tepi pantai.

Apa hendak buat? Hendak dibiarkan di situ. Tatkala itulah digunakan undang-undang ini ditarik motobot itu dengan perkakas ikannya dibawakan kepada misalnya kalau di bandar, supaya perkakas-perkakas ini ditahan. Sekiranya dalam satu bulan tidak ada mereka itu datang mengatakan perahu itu dan perkakas ikan itu dia yang punya. Itulah undang-undang yang adil, dalam satu bulan. Tidakkannlah dalam satu bulan itu dibiarkan sahaja perkara itu. Tetapi selalunya, Tuan Yang di Pertua, bila ada tangkapan macam itu, tidak ada datang, kerana dia tahu bila dia datang, dia kena tangkap. Kalau ada ikan di dalamnya, kita lelong dengan harga yang setinggi-tinggi yang dapat, disimpan wang itu dan motobot dan perkakas itu disimpan dengan baik sampai tempoh satu bulan. Adakah dalam satu bulan itu tidak ada masa dia hendak menghantar surat menyatakan dia hendakkan barang-barang dia dan perkara ini hendak dibawa ke mahkamah minta satu keputusan.

Dan selain daripada dia boleh merayu pula kepada Yang Berhormat Menteri untuk menimbangkan walaupun benda itu telah disifatkan barang Kerajaan dalam tempoh satu bulan. Selalunya perkara yang macam itu dan rayuan macam itulah baharu Yang Berhormat Menteri menimbangkan dari segi kemanusiaan. Apakah latar belakang kes ini? Sekiranya orang itu miskin, patut dipulangkan balik, dipulangkan. Saya misalkan satu perkara yang berlaku yang mana walaupun mahkamah telah memerintahkan dirampas motobot iaitu kes di Trengganu di mana orang-orang yang bekerja dalam bot itu telah dihukum dan semuanya telah membayar denda ditahan dan lain-lain perkakas ikan dan motobot dirampas. Mereka itu tidak dapat balik sehingga datangnya meminta rayuan diperentahkan oleh Menteri yang berkenaan dengan sokongan saya, dipulangkan botnya sahaja supaya dia balik ke negeri asalnya, tetapi perkakas-perkakas lain, ikan-ikannya habislah ditangkap. Ini

satu misalan dan telah diperentahkan oleh mahkamah pula dirampas pula berhak Yang Berhormat Menteri itu memulangkan. Bukanlah bagaimana yang dituduh di sini perkara ini kita jalankan orang miskin tidak adil undang-undang ini. Kita mesti memikirkan kita yang hendak meluluskan Rang Undang-undang ini, Kerajaan tentu lebih sedar lagi sebelum dia meluluskan undang-undang ini. Apa akibatnya. Hanya Kerajaan sendiri yang bertanggungjawab apabila datang pilihanraya yang akan datang kelak. Kita tahu. Tidakkah undang-undang ini dibuat dengan terburu-buru setelah dinilai dari semua segi sebelum diluluskan perkara ini. Seberapa yang boleh saya rasa sebab itulah ada dalam Seksyen 16 (5) itu, Menteri diberi kuasa boleh memulangkan balik, menimbangkan dalam satu bulan samada hendak dipulangkan balik barang-barang yang dirampas atau tidak dipulangkan.

Seksyen 16 ada menyatakan di sini sekiranya dakwaan tidak dijalankan di bawah undang-undang ini, maka bolehlah juga pehak yang berkuasa merampas barang-barang itu dan kalau tidak dipohon balik (claim) dalam tempoh satu bulan maka jadi harta Kerajaan. Di sini banyak perkara akan berlaku. Kadang-kadang bagi pehak pendakwa selalu meminta nasehat-nasehat sama ada cukup keterangan atau tidak hendak mendakwa orang-orang. Misal yang pertama jikalau keterangan-keterangan tidak cukup hendak didakwa, kita tahu orang ini memanglah menangkap ikan dengan secara haram. Tetapi apa gunanya hendak didakwa? Itu menganiayakan. Kalau keterangan tidak cukup kita dakwa juga, memaksa dia mengambil loyar lagi, itu betul meinya. Kita tidak dakwa tetapi barang dia kita rampas. Ini satu misalan.

Yang kedua, satu misalan lagi, dapat ditangkap misalnya seorang dua dalam perahu yang lain habis lari budak-budak muda yang tidak ada kerja lain, tukang tunggu sahaja. Pada hal taukeh yang belakang yang mengeluarkan wang ini tidak dapat ditangkap. Itu sia-sia, kita tangkap dengan dihukum budak ataupun nelayan yang gaji \$2 sebulan itu. Tidak kita jalankan tetapi kita rampas motobot itu dan perkakas ikannya. Ini satu misalan lagi. Kalau dia berani, datangnya taukeh itu mengatakan barang itu dia punya. Tetapi dia tidak datang claim. Inilah fasalnya undang-undang ini dijalankan dan apakala dijalankan dan

dari semasa ke semasa kalau ada perkara susah yang timbul yang boleh meinya nelayan, Kerajaan sendiri Kementerian Perikanan ini sendiri akan mengubah undang-undang ini untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak nelayan kerana saya menegaskan di sini lagi, Tuan Yang di Pertua, kepada pehak Ahli Yang Berhormat sememanglah bukan tujuan Kerajaan untuk hendak menyeksa ataupun tidak mengadilkan pehak yang miskin. Undang-undang ini untuk memperbaiki cara-cara menangkap ikan dan undang-undang ini minta diluluskan dan dijalankan dengan saksama di bawah undang-undang ini. Sekiranya pada masa akan datang apabila kita laksanakan undang-undang ini didapati tidak berapa sesuai, kita akan ubah lagi pada masa akan datang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, saya tumpang bertanya, tidak bolehkah saya bercakap selepas Peguam Negara?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Boleh!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, saya akan bertemu lagi sekali di dalam peringkat Jawatankuasa, tetapi dalam polisi ini, saya hendak menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini dengan memberi satu fikiran iaitu didapati di dalam beberapa seksyen di sini yang dipinda baru-baru ini, ada undang-undang yang pada mulanya diniatkan untuk kebaikan masyarakat nelayan, tetapi apabila dijalankan, kita dapati undang-undang ini lebih banyak mendatangkan kalamkabut kepada kaum nelayan daripada niat yang kita hendakkan asal, pada mulanya. Ini akan saya terangkan apabila kita sampai kepada peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di Pertua, masalah yang besarnya ialah bukanlah masalah taukeh-taukeh dan undang-undang ini kalau dibuat hanya ditujukan kepada taukeh-taukeh sahaja, lebih baiklah kita menyatakan explicitly express betul-betul ditujukan kepada kaum-kaum yang tertentu sedang law di mana-mana pun yang saya tahu, dia tidak kena kepada orang yang tertentu kecuali kalau ditentukan dalam undang-undang itu. Misalnya kita katakan Rang Undang-undang ini ditujukan kepada taukeh-taukeh dan saya seorang nelayan, Rang Undang-undang ini pun akan kena kepada saya. Di masa itu Yang Berhormat Peguam Negara tidak akan

bela saya dan dia akan mengatakan: ignorance of the law is no defence. Jadi kita juga yang akan kena dalam perkara ini. Jadi inilah satu, Tuan Yang di Pertua, saya rasa niatnya baik tetapi consequence daripada kita menjalankan ini akan tidak baik.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini iaitu di dalam Huraian (Explanatory Note) di sini tentulah kita seperti mana fasal perkara (1) Fasal 2 bertujuan untuk memudahkan pemeriksaan lesen-lesen. Jadi dari segi undang-undang memang betul begitu tetapi kalau kita memudahkan bagi pegawai-pegawai itu memeriksa lesen maka mudahnya memeriksa lesen itu membawa kalamkabut kepada orang-orang yang kena periksa itu. Sebab kalau memeriksa lesen itu dikenakan dengan syarat-syarat yang ketat maka itu akan mendatangkan keadilan. Misalnya, Tuan Yang di Pertua, saya bawa satu contoh di dalam perkara 4 di sini iaitu Seksyen 14 (1) misalnya kita katakan boleh melakukan tangkapan ataupun melakukan tindakan terhadap vessel, vehicle, net dan bermacam-macam oleh seorang Pegawai Perikanan ataupun seorang Pegawai Polis yang berangkat tidak rendah daripada Corporal. Ini, Tuan Yang di Pertua, memanglah kalau kita hendak beri mudah kita berilah Corporalkah, bawah daripada itu pun sekarang ini sudah tidak ada lagi. Mata-mata biasa, Lance Corporal pun tidak ada, Corporal terus. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, kita tidak tentukan pegawai itu pegawai mana. Not below the rank of Corporal. Kita tidak tahu dia on duty ataupun tidak. Mungkin dia lepas kerja, dia berjalan-jalan di situ, hisap rokokkah, atau apakah; nampak, dia pun tangkap. Jadi kalau dikatakan any polis officer on duty not below the rank, itu menasabah. Inilah yang saya katakan niatnya baik, tetapi membuat itu akan menyusahkan balik. Alangkah banyaknya, Tuan Yang di Pertua, sekarang ini pegawai-pegawai kita yang ada . . . . .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Untuk penerangan, Tuan Yang di Pertua. Pegawai Koprak ini atau semua pegawai polis dari-dari koprak dan ke atas adalah on duty 24 jam walau dia dalam duty atau tidak selamalamanya, melainkan dia betul 3 bulan balik ke kampung misalnya dengan anak isteri, itu di luar duty. Pegawai polis 24 jam all the time on duty boleh menjalankan tugas-tugasnya. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di Pertua, saya di sini bukan hendak bertengkar dengan Peguam Negara kita. Undang-undang 24 jam saya tak tahulah sekarang ini sudah berlainan dan saya takkanlah lebih pandai daripada Peguam Negara. Yang dikatakan duty 24 jam ini ialah dia terpaksa melakukan sehari 24 jam tetapi bukan on duty. On duty itu maknanya ditentukan, dia menjalankan duty 24 jam lain. Sebab itu, kita ada on duty, ada stand by, ada stand to dan kesemua itu tidak sama. Jadi kalau seorang misalnya dia pakai preman, pakai kasut berjalan, kita hendak kata dia on duty juga. Kalau begitu, bolehlah sebarang police officer datang ke sini dengan tak payah pakai baju oleh sebab he is on duty for 24 hours, pakailah baju apa pun dan saya rasa itu berlainlah pendapat saya dengan Peguam Negara dan saya kalau silap, bolehlah diperbetulkan.

Tuan Yang di Pertua, inilah satu masaalah yang saya sebut dan ada dua tiga lagi kalau saya sebut, saya akan habis modal di dalam jawatankuasa. Jadi saya tunggu akan bertemu lagi.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, dari segi fasal-fasal ataupun undang-undang, maka perkara ini telahpun dijawab oleh Peguam Negara, maka saya hanya hendak menjawab dari segi-segi yang lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob tadi menyentuh beberapa perkara. Saya sukalah menerangkan iaitu Kerajaan kita telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Perundingan berkenaan sempadan dengan Kerajaan Thai dan Indonesia. Baharu-baharu ini satu Jawatankuasa Keselamatan Sempadan Malaysia Barat dengan Indonesia telah pun ditubuhkan dan akan merundingkan juga perkara-perkara kesulitan nelayan di Selat Melaka. Sementara itu rondaan-rondaan akan dijalankan juga oleh pehak Tentera Laut di Raja Malaysia dan juga Tentera Udara di Raja Malaysia.

Sebagai jawapan kepada Tuan Abdul Samad Osman, saya suka menjelaskan iaitu barang-barang yang dirampas akan dipulangkan kepada orang yang berhak atau dimusnahkan atau dengan apa-apa cara yang lain.

Sebagai jawapan kepada Tuan Ameluddin bin Darus, saya suka menyatakan Kerajaan memang menggalakkan pukut tunda yang

boleh keluar ke laut lebih daripada 12 batu daripada pantai. Bantuan akan dirancangan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan 10 buah bot akan dibena bagi tangkapan ikan dengan cara yang demikian.

Kepada Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamad, saya suka menjelaskan latihan-latihan diberi kepada nelayan di Sekolah Nelayan di Pulau Pinang untuk mengajar cara-cara baharu memperbaiki jala, memperbaiki pukut dan sebagainya. Sebuah Instituti Latihan Nelayan telah pun ditubuhkan dengan bantuan UNDF (United Nations Development Fund) dan FAO (Food Agricultural Organisation) untuk melatih nelayan-nelayan menggunakan bot-bot yang berinjin dan cara menangkap ikan dan udang yang baik untuk meninggikan pendapatan daripada tangkapan-tangkapan ikan mereka. Adalah diharap dengan latihan ini maka pendapatan nelayan-nelayan kita akan bertambah yakni dengan mereka boleh menggunakan cara-cara dan alat-alat tangkapan ikan moden.

Kepada Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh, saya sukalah menjelaskan iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah merancang untuk menyewakan 20 buah bot besar yang boleh memukat ikan di dalam kawasan dari 7 hingga 12 batu dan berpangkalan di Pulau Langkawi. Rancangan ini diharap akan dapat menambah peluang nelayan-nelayan yang dikatakan menganggur untuk mendapatkan pekerjaan dan juga akan dapat menolong nelayan-nelayan kecil yang miskin untuk mengubah cara menangkap ikan daripada cara yang primitif yang kecil kepada cara yang moden dan cara yang lebih besar.

Usaha-usaha akan dijalankan untuk menubuhkan perusahaan memproses ikan. Sekarang ini sebuah syarikat telah pun berjalan di Kuala Trengganu untuk mengetin ikan tongkol. Syarikat ini bernama PERTIMA yakni ditubuhkan bersama-sama antara Jemaah Pemasaran Ikan di bawah FAMA dan Lembaga Kemajuan Ikan Negeri Trengganu. Jadi adalah diharap badan-badan lain, pehak-pehak lain akan muncul kemudian mengikut jejak-langkah seperti yang dibuat oleh syarikat yang baharu disebutkan ini tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4—*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya minta ditambah selepas perkataan "Police Officer" dalam perkara 4, Seksyen 14 (1) itu supaya hendak ditambah perkataan "on duty" iaitu bunyinya di sini:

"14. (1) . . . . . any Fishery Officer or any Police Officer on duty . . . . ."

Bukan lepas begitu sahaja. Ini, Tuan Pengerusi, mungkin lemah dari segi hujah undang-undangnya, tetapi dari segi menjaga kedudukan peraturan pegawai-pegawai polis amatlah mustahak supaya kita tidak mahu sebarang pegawai ini boleh melakukan kerjanya dengan tidak di ketika menjalankan tugas duty, apatah pula kerana pegawai ini boleh melakukan tindakan itu dengan tak payah pakai waran. Ini satu perkara yang patut ditimbang. Saya minta ditambah perkataan "on duty".

Tuan Pengerusi, di bawah Seksyen 15, muka 2 iaitu Seksyen-kecil (1) (b). Di sini dikatakan barang ataupun perkara yang digunakan bagi melakukan kesalahan dengan tidak peduli samada ada orang yang telah dihukum ataupun tidak artinya boleh dirampas ataupun diambil barang itu walaupun tidak ada orang yang kita convict dia dalam mahkamah. Tetapi ini berlawanan pula dengan Seksyen 16 (1). Bagaimana di dalam Seksyen 16 (1) di muka 3 ini katanya:

"16. (1) If there be no prosecution . . . . ."

Langsong tidak ada dakwaan dan di sini dikatakan ada dakwaan, tetapi tidak ada orang yang bersalah. Sepatutnya Seksyen 16 itu, saya rasa patut ditimbang semula supaya sejajar dengan 15 (1) (b) ini. Yang menjadi masalah kepada kita, ialah barang itu ditangkap, kes itu dibawa ke dalam mahkamah orangnya tak ada—itu masalah lain, kita tidak convict dia.

Tetapi apa pula halnya tentang kesalahan itu dapat ditangkap, ada exhibitnya, dan tidak ada prosecution. Ditangkap misalnya

satu jala, atau pun satu-satu alat, begitulah yang kita boleh buktikan untuk digunakan dalam kesalahan itu, dan kita tidak bawa kes itu ke dalam mahkamah. Bagaimana pula ceritanya. Ada pula satu kes lagi no prosecution. Saya rasa ini ada berlawanan di antara dua itu. Dan saya serahkanlah kepada Peguam Negara untuk menimbangkannya.

Ini juga dapat menambahkan kelamkabut lagi ialah tentang barang-barang itu kita boleh minta balik melalui Pegawai Polis ataupun Pegawai Perikanan. Itu adalah bergantung kepada keputusan mahkamah dan mengapa kita tidak buat dakwaan lebih dahulu sehingga orang itu tertangkap. Misalnya kalau dalam soal jenayah yang kita dapat tahu—berlakunya pembunuhan, maka kes itu dibawa dalam mahkamah, ditangkap orang yang bersalah ataupun tidak, itu masalah lain. Saya rasa seksyen 16 ini yang hendak ditambah itu adalah berlawanan sedikit.

Kemudian di bawah seksyen 16 (5) kita beri pula kuasa kepada Menteri, iaitu Menteri boleh pula membuat penyelesaian dengan syarat orang itu menulis melalui Pegawai Perikanan ataupun Pengarah Perikanan. Dan dia boleh pula masuk campur dalam kes itu, tetapi dia tidak sebut di sini samada benda itu, kalau dia masuk dalam mahkamah tak boleh dikacau lagi. Yang ada disebut di sini ialah dengan syarat, kalau benda itu ditulis kepadanya di dalam tempoh yang tertentu. Ini bermakna kita beri kuasa kepada Pegawai Perikanan, Pengarah Perikanan dan kepada Pegawai Polis dan ada keputusan mahkamah, ada pula kuasa Menteri masuk di sini. Ini saya rasa, Tuan Yang di Pertua, kuasa politik masuk dalam kuasa undang-undang, banyak sangat di negara kita ini akan menjadi kelamkabut. Kita serahkan kepada mahkamah dan kita sebagai politician ini tak usah masuklah dalam perkara judicial. Kalau kita rasa teringin lagi hendak duduk dalam judicial, kita kembali semula kepada tugas-tugas kita dalam lapangan judicial. Dan kita tak usah libatkan Menteri kita dalam perkara ini. Ini, Tuan Yang di Pertua, saya percaya kalau kita tak mati maka dalam budget meeting ini akibat daripada apa yang saya kata ini akan ada dan saya akan kemukakan soalan supaya Kementerian menerangkan bahawa dengan pindaan undang-undang ini berlaku apa-apa yang saya kata itu di bawah seksyen ini. Inilah yang saya minta pehak Menteri

menerangkan dan saya rasa Peguam Negara kita boleh memberi nasehat kepada Menteri yang berkenaan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan perkara yang pertama tentang seksyen 14, saya sudah terangkan tadi, iaitu tiap-tiap Pegawai Polis walaupun dia fikir dia tidak memakai uniform yang dikatakan duti, adalah dikehendaki menjalankan tugasnya sebagai Pegawai Polis bila-bila masa jugapun, walaupun dalam masa 24 jam. Dengan sebab itulah ditambah dengan on duty sebab jika berlaku, kita dengar bagaimana berlaku dalam berita akhbar seorang Polis semasa pergi ke pasar tiba-tiba dia nampak satu pergaduhan atau kecurian, dia berhak masa itu menjalankan tugasnya sebagai seorang Pegawai Polis menangkap orang itu dan juga membawa ke mahkamah, walaupun dimasa itu dia tidak on duty. Ini digelar 24 jam on duty. Walaupun dia pakai preman bukanlah misalnya on guard, tetapi berhak menjalankan kerja Polis. Tetapi kalau berlakulah perkara semacam ini di jalan, misalnya, maka seorang Polis itu memerlukan dia betul-betul on duty pada hari itu, menjaga orang menangkap ikan di tepi laut misalnya, dengan marine polis sahaja. Dialah sahaja yang berhak boleh menjalankan tugasnya, tetapi kalau berlakulah di tempat-tempat lain daripada itu, dia tak ada on duty maknanya tak boleh menjalankan tugasnya. Ini kehendak Ahli Yang Berhormat itu, tetapi sebetulnya sememanglah semua undang-undang tak ada pernah disebut Police Officer on duty. Sebab, kalau hendak dibuat, ini adalah kali yang pertama dalam sejarah. Yang keduanya, pindaan ini tak boleh kerana setahu saya notis sehari lebih dahulu tidak pun dibuat dalam perkara ini.

Satu perkara lagi berkenaan dengan seksyen 15 katanya berlawanan dengan seksyen 16. Ahli Yang Berhormat minta penerangan dari saya. Sebetulnya cara ini sememang tidak berlawanan. Seksyen 15 ada menerangkan di situ iaitu mahkamah memerintahkan apa hendak dibuat kepada barang-barang yang telah dirampas atau ditangkap—seize or to order disposal of goods seized. Di sini perkara-perkara itu, apakala perkara itu sudah timbul dibawa ke Mahkamah, maka tatkala itu inilah caranya samada misalnya dibicarakan kes itu didapati orang itu tak salah, tetapi

barang-barangnya semua bukan kepunyaannya, tuannya sudah lari. Orang yang dituduh itu salah dia pergi ke situ, rupanya ialah bukan dia yang tuannya. Walhasil barang-barang itu boleh dirampas walaupun tak ada conviction, tak ada didapati salah. Itu seksyen 15.

Seksyen 16 perkara yang tidak timbul di mahkamah langsung. Saya kata tadi tiba-tiba dapat ditangkap, orangnya lari atau tak dapat cukup keterangan, sebab kalau kita dakwa, adalah tak patut keterangan tak cukup sia-sia kita dakwa, kerana tentu akan buang kes, aniaya pada orang itu. Dan kes seksyen 16 tadi ialah perkara yang dijalankan oleh pehak yang berkuasa, tetapi perkara ini tidak dibawa ke mahkamah. Di situ dia boleh menerangkan, ada di bawah situ. Kalau sekiranya diketahui tuannya, hendaklah diberi tahu, kalau misalnya tuan itu ada di situ, tak payah diberitahu—dia tahu. Cakap sajalah. Kalau hendak, boleh minta, bawa ke mahkamah atas perkara ini. Seksyen 15 dan 16 tidaklah berlawanan kerana berlainan pada keadaan-keadaan yang ada. Seksyen 16 (5) ini sememang ada dalam undang-undang ini. Kalau tak salah saya dalam Undang-undang Kastam pun ada juga. Maka berhak seseorang itu boleh membuat application kepada Menteri Kewangan, kalau ada perkara-perkara yang telah dirampas oleh Kastam, misalnya motokar dan lain-lain dirayu untuk dipulangkan dengan satu-satu sebab yang tertentu.

Undang-undang ini memanglah dibubuh seksyen 16 (5) mengenai perkara ini yang selalu berlaku, kerana seksyen 16 (5) ini ada menerangkan di sini, "order anything forfeited under this Act" maknanya walaupun telah dihukum oleh mahkamah, sekalipun, bagaimana kes yang saya sebut di Trengganu tadi, telah dihukum oleh mahkamah, ditangkap, tetapi dalam satu bulan satu pehak kalau ada sebab-sebab yang tertentu boleh membuat permohonan kepada Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen memikirkan dari segi apa jugapun samada hendak melayankan permohonan itu. Permohonan itu hendak dipulangkan balik atau tidak terpulanglah kepada timbang tilik dia atas sesuatu sebab yang tertentu.

Seksyen 16 (5) itu sepatutnya dibubuh di sini memberi kesenangan kepada rakyat, kalau timbul satu-satu perkara katalah

dihukum oleh mahkamah tidak boleh dibuat apa-apa lagi, di sini kalau memandang dari segi kata beliau, jangan dicampurkan Menteri dengan politik, tak boleh dicampur, atas apa-apa keputusan mahkamah, perkara yang kecil macam ini hendaklah dilarang seorang Menteri boleh campur tangan yang dia bertanggungjawab dalam Parlimen. Pada hal Menteri-menteri yang berkenaan ini lagi besar tanggungjawabnya bukan perkara yang kecil seperti ini iaitu meluluskan undang-undang, membawa budget yang begitu besar. Perkara-perkara yang Marine Police sahaja beratus kali lebih besar daripada perkara ini yang Ahli-ahli bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di situ boleh dikemukakan sekiranya dia tak menjalankan dengan saksama, atau dituduh dia menolong ahli parti dia sahaja, kalau ada bukti dituduh Menteri itu dan Menteri itu bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Itulah sebab diadakan Parlimen, diberi kepada seseorang itu kuasa supaya dia bertanggungjawab. Tanggungjawab saya sebagai Peguam Negara samada hendak menjalankan atau tidak satu-satu dakwaan. Sekiranya saya tak menjalankan dengan adil atau tak saksama, saya adalah bertanggungjawab kepada rakyat dan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Disitulah akan disoal, tak boleh dibuat. Seksyen 16 (5) itu adalah satu rahmat, bukan satu kerugian, tetapi kalaulah seorang Menteri itu menggunakan kuasa politik seperti itu, bawa tuduhan dalam Dewan ini supaya senang. Dan bila rakyat boleh baca akhbar, dengar radio, talivisyen tidak pilih dia lagi, bukan payah. Sebagai orang yang bertanggungjawab mesti seberapa yang boleh menjalankan bagi kesenangan rakyat. Itu tujuannya. Kalau kita pandang semua undang-undang itu salahguna-salahguna—semua salahguna tidak payah ada undang-undang. Itu yang saya dapat terangkan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit. Saya bukan hendak mengatakan kesemuanya disalahgunakan, yang saya maksudkan bila kita sudah beri kuasa, kita bahagi-bahagi kuasa itu separation of powers itu kita beri pula kuasa kepada Menteri. Jadi masuk campur kuasa politiknya di dalam masalah-masalah judicial. Bukan makna saya tidak percaya kepada Menteri itu. Sekarang ini, saya hendak ulangkan balik sedikit pertanyaan minta ketegasan daripada Peguam Negara, apakah sudah berpuas hati pehak

Peguam Negara dan Kerajaan bahawa cerai (5) di dalam Seksyen 16 ini tidak ada ultra vires, tidak berlawanan dengan Perlembagaan negara kita? Saya akan membuat satu study dalam perkara ini. Saya minta Peguam Negara ini tegaskan dalam perkara ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tidak payah ditegaskan lagi, sebabnya benda ini dibawa ke mari telah diluluskan oleh Jabatan saya, walau saya tidak ada bertanggungjawab sekalipun. Sekiranya ultra vires boleh dibawa di mahkamah, di sana boleh ditimbang, mahkamah kata perkara Seksyen 16 cerai (5) itu salah dari segi Perlembagaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperentahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG MEMINDA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (PINDAAN)**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda sebahagian seksyen-kecil (1) seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972 berhubung dengan keanggotaan Lembaga tersebut sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 2 (a), (b) dan (c) Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 (a) Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan nama jawatan baru iaitu "Ketua Pengarah Parit dan Taliair" bagi menggantikan nama jawatan "Pengarah Parit dan Taliair seperti yang terdapat di perenggan (c) seksyen-kecil (1)

seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972. Pindaan ini adalah perlu berikutan dengan penukaran nama jawatan Pengarah Parit dan Taliair kepada Ketua Pengarah Parit dan Taliair.

Fasal 2 (b) Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan seorang Ahli Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai seorang Ahli Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. Tuan Yang di Pertua Lembaga Padi dan Beras Negara adalah ditugaskan mengenai polisi untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, memastikan bekalan beras yang cukup dan memastikan harga padi dan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani serta melakukan segala perkara yang berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut. Oleh kerana itu, amatlah penting bagi Lembaga Padi dan Beras Negara mempunyai perwakilannya sebagai ahli dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Muda supaya dengan itu terdapat penyelarasan dan nasehat tentang pengeluaran, pemasaran, perkilangan dan lain-lain proses padi dan beras.

Fasal 2 (c) Rang Undang-undang ini adalah pindaan berikutan kepada Fasal 2 (b) iaitu menomborkan semula perenggan-perenggan (f) dan (g) seksyen-kecil (1) seksyen 5 Akta ini masing-masing sebagai perenggan (g) dan (h).

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam bahasa Malaysia, oleh sebab ini adalah satu perkara yang mustahak sekali. MADA atau Muda Agricultural Development Authority is a child of Kedah Government . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Datuk, sila cuba menggunakan Bahasa Malaysia!

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Dua bahasa, saya minta berucap.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Datuk memang seorang yang pintar, tentu boleh.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Bagi anak Kedah, anak Kedah sudah menjadi besar,

jalannya betul dan sudah maju. Kita tidak suka orang lain campur tangan merosakkan anak kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Bagus.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Sekarang Kerajaan minta satu wakil daripada Lembaga Padi dan Beras Negara masuk campur tangan bagi menjaga anak kita—anak Kedah.

Sekarang, Tuan Yang di Pertua, saya seka menerangkan sedikit di sini atas sebab apa saya tidak bersetuju yang Lembaga Padi dan Beras Negara masuk campur mengenai urusan Negeri Kedah, sebab perjalanan Lembaga itu di Kedah adalah merosakkan meruah kita di sana. Oleh kerana kakitangan di dalam Lembaga itu tidak ada menjalankan tanggungjawab dengan betul atau dalam bahasa Inggerisnya not properly conducted bagaimana mereka lakukan. Saya pun berasa hairan tentang perjalanannya itu.

Dalam persidangan dewan Negara ini dahulu, saya ada berucap di atas perkara Lembaga Padi dan Beras. Selepas saya berucap dan keluar daripada Dewan, maka Pengerusi Lembaga Padi dan Beras menarik saya, katanya mengapa Datuk berucap di sini tidak memberitahunya. Katanya: "Saya sebagai Pengerusi, saya tahu semua, Datuk tidak boleh berucap di dalam mesyuarat ini. Kita tenguk macam itu seorang yang mengikut perinsip, betulkah dalam demokrasi kita tidak boleh bercakap? Saya sebagai seorang Senator dalam Dewan ini sudah ada tanggungjawab dan sudah mengangkat sumpah bercakap dengan betul, tidak boleh saya berucap? Sampai dipanggilnya saya ke tepi. Perbuatan semacam itu adalah sebagai intimidations atas saya dan tidak boleh berucap macam itu. Saya fikir itu tidak betul. Kita hendak mengambil seorang wakil berucap, katakan mengenai negeri Kedah . . .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Minta penerangan, Tuan Yang di Pertua.

Saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat menyebutkan perkara Pengerusi mengenai Lembaga Padi dan Beras Negara. Boleh jadi dia berjumpa di luar sebagai sahabat sesama parti, cuma merayu bolehlah berjumpa dia apa yang diucapkan di sini bukanlah menahan Ahli Yang Berhormat itu daripada berucap di sini. Itu tujuannya. Siapa juga kalau berucap di sini menekan Lembaga Padi dan Beras yang dia sendiri tidak ada,

tidak ada orang bertanggungjawab bagi menjawabkannya dengan menjelaskan—itu tujuannya. Saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat menimbangkan bukannya dia menahan Datuk daripada berucap di Dewan ini untuk demokrasi, tetapi mengingatkan dan merayu kepada Datuk, kalau hendak bertanya dengan lebih jelas, dia ada di sini dan sedia sahaja yang boleh menerangkan—itu maknanya.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Yang Berhormat Datuk, masa sudah pukul 6.30 untuk ditangguhkan mesyuarat.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Bolehkah disambung esok, Tuan Yang di Pertua?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Boleh sambung esok.

## PENANGGUHAN

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tan Sri Mohamed Noor Tahir:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### PERDANA MENTERI MELAWAT NEGARA REPUBLIK RAKYAT CINA

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di Pertua, pada 15hb Ogos, 1972 yang baharu lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab satu soalan di Dewan Rakyat, iaitu berkenaan dengan persahabatan di antara Negara Malaysia dan Negara Republik Rakyat Cina. Dengan jelas beliau memberitahu iaitu beliau hendak mendapat pandangan-pandangan dari negara anggota ASEAN dan hendaklah sesuai dengan polisi rantau bebas negara ASEAN.

Jelasnya ialah negara-negara ASEAN hendak mendapat keamanan yang tulen. Tahun dahulu negara Malaysia dan negara Republik Rakyat Cina telah menyelesaikan perselisihan pandangan. Sekarang keadaan ini telah berubah, ternampak sangat baik dan dalam suasana persahabatan.

Semenjak Nixon, Presiden Negara Amerika Syarikat melawat negara Republik Rakyat Cina pada 21-2-72. Kedua-dua

negara itu telah mengeluarkan kenyataan bersama dengan lima dasar bagi menyelesaikan soal-soal berhubung dengan negara-negara lain:

- (1) Menghormati hak ketuanan sesuatu bangsa dan kedaulatan atas negaranya.
- (2) Tidak menyerang sesuatu negara.
- (3) Tidak mengganggu pemerintahan sesuatu negara.
- (4) Hak persamaan dan menghormati keadilan sesama.
- (5) Aman dan damai hidup bersama.

Kedua-dua negara tersebut telah bersejua tuju atas lima dasar ini dan akan membina perhubungan baik bersama.

Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang keempat, Encik Kurt Waldheim, dalam tahun ini juga telah melawat negara Republik Rakyat Cina dalam bulan Ogos. Inilah juga kali pertama lawatan Negara yang dibuat oleh Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ke negara Republik rakyat Cina selama lima hari.

Tuan Yang di Pertua, demikian pula Perdana Menteri Negara Jepun, Encik Kakuei Tanaka akan melakukan lawatan ke negara Republik Rakyat Cina pada akhir bulan September atau awal bulan Oktober. Inilah menunjukkan bahawa umat manusia di dunia telah mendapat satu harapan damai. Khasnya Malaysia dalam tahun lalu telah memberi undian bagi negara Republik Rakyat Cina menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu.

Langkah kepada keamanan telah menjadi lebih dekat. Sebelum majlis pingpong diadakan, Kerajaan Peking telah menunjukkan rasa persahabatan dan goodwill kepada negara-negara Asean, khasnya negara Malaysia dengan mengirinkan wang menerusi Pesatuan Palang Merah Malaysia bagi membantu mangsa banjir dalam tahun 1971.

Tidak lama dahulu, Peking telah mengundang pasukan pingpong Malaysia mengambil bahagian dalam pertandingan pingpong Persahabatan Asia dan Afrika di Peking. Kemudiannya telah dijemput juga PERNAS dan lain-lain persatuan buat melawat negara Republik Rakyat Cina dan melihat pameran perdagangan, dan Radio Republik Rakyat Cina telah memberhentikan kata-katanya kepada Negara Malaysia. Semasa itu

juga negara Republik Rakyat Cina menyokong polisi negara Malaysia menolak daripada menjadikan Selat Melaka perairan antarabangsa.

Tindakan ini menunjukkan negara Republik Rakyat Cina memberi pandangan yang berat atas kedaulatan negara-negara ASEAN. Perkara-perkara ini adalah secukup dengan mesyuarat negara-negara ASEAN yang telah diadakan pada bulan November, 1971. Kita telah datang ke peringkat persafahaman. Ini hendaklah didasarkan kepada idea-idea rantau bebas negara ASEAN.

Untuk menyedari soalan-soalan persahabatan dengan negara Republik Rakyat Cina, Malaysia tidak boleh mengambil jalan sendiri-sendiri. Dalam negara ASEAN, Singapura dan Pilipina telah menghampiri lebih dekat bersedia membuat persahabatan dengan negara Republik Rakyat Cina, dan Thailand juga telah mengikut.

Jelas nampaknya yang Thailand dan Pilipina akan mengirim pasukan pingpong masing-masing, mengambil bahagian di Peking dalam bulan September 1972 ini dengan jemputan menerusi negara Malaysia.

Sebelum sehari sambutan Kemerdekaan yang kedua puluh tujuh bagi negara Indonesia, Presiden Suharto telah menunjukkan yang Indonesia hendak bersahabat dengan semua negara di dunia termasuk Republik Rakyat Cina.

Ini menunjukkan yang negara-negara ASEAN telah mempunyai persafahaman. Cara yang baik untuk bersahabat dengan Republik Rakyat Cina ialah anggota-anggota ASEAN mengambil pandangan dan fikiran yang sama.

Niat Presiden Suharto hendak berbaik-berbaik bersahabat dengan negara Republik Rakyat Cina ini adalah secukup dengan polisi dan cita-cita negara ASEAN.

Sekiranya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dapat memilih sesuatu masa yang sesuai buat melawat negara Republik Rakyat Cina, kedua-dua negara dapat membina kebaikan adalah suatu harapan yang ditunggu-tunggu. Terima kasih.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, bagaimana Ahli Yang Berhormat di sini sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menjelaskan di Dewan Rakyat yang Kerajaan akan menimbang hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina di dalam kontek cadangan kita untuk mengecualikan kawasan Asia Tenggara dan juga dalam kontek persefahaman yang telah dicapai antara anggota-anggota ASEAN atas perkara ini. Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan berpendapat yang masanya belum sesuai lagi sekarang untuk membuat lawatan ke Peking. Kerajaan akan mengkaji hubungan diplomatik dan sebagainya dengan Republik Rakyat Cina mengikut perkembangan antarabangsa. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 5hb September, 1972.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.*